



# 2021 | LAPORAN TAHUNAN

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia





# 2021 | LAPORAN TAHUNAN

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia



## PRAKATA

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat dan rahmatNya, Laporan Tahunan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) 2021 dapat diterbitkan.

Tahun 2021 menyaksikan berakhirnya pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia 2016-2020 (PS-JPPM 2016-2020) yang berlandaskan kepada lapan (8) teras dengan fokus kepada Memelihara Suasana Perhubungan Yang Harmoni. Jabatan telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan bagi program-program yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Rentetan dari itu, pelan strategik yang baru bagi tempoh lima (5) tahun iaitu tahun 2021 hingga 2025 telah dirangka dan dinamakan sebagai PS-JPPM 2021-2025, yang menetapkan hala tuju Jabatan dengan pengekalan kepada hubungan harmoni di tempat pekerjaan. Namun, fokus kali ini adalah berlandaskan kepada Jaminan Hak, Keselamatan, Kesihatan & Kesejahteraan Sosial Pekerja yang juga merupakan salah satu Teras Strategik di bawah Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2021-2025 (PS-KSM 2021-2025). Sebanyak enam (6) teras telah dirangka dan dipersetujui, merangkumi sembilan (9) program dan 31 *Key Performance Indicator* (KPI).

Pencapaian aktiviti utama di dalam Laporan Tahunan 2021 ini dirangka berdasarkan kepada enam (6) teras PS-JPPM 2021-2025 iaitu Pemantapan Penyelesaian Pertikaian, Memperkasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Melestarikan Keharmonian Perusahaan, Memacu Pelaksanaan Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti, Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Kewangan yang Mapan serta Pengukuhan Penyampaian Perkhidmatan.

Jabatan juga turut terlibat dengan pelaksanaan program di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Jabatan telah mewujudkan Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan (PETIK) yang komprehensif dengan fungsi utama Jabatan iaitu memastikan keharmonian perusahaan di Malaysia. Terdapat empat (4) skop di bawah PETIK yang menggariskan program-program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan dalam tempoh lima (5) tahun sebagai penggalak untuk meningkatkan keharmonian perusahaan. Kadar keharmonian perusahaan negara diukur dengan Indeks Keharmonian Perusahaan Nasional atau *National Industrial Harmony Index* (IHI) yang mencapai tahap Baik dengan indeks 78%. Dengan meningkatnya pelbagai usaha bagi meningkatkan kesedaran kepada keharmonian perusahaan, Jabatan berharap dapatan IHI akan meningkat ke tahap Cemerlang.

Bagi mencapai hasrat berkenaan, pembangunan Modul Keharmonian Perusahaan (MKP) telah dibentuk sebagai salah satu program di bawah PETIK. MKP merupakan modul latihan kesedaran berkaitan keharmonian perusahaan yang komprehensif, efektif dan terkini. Jangkaan keberhasilan dari penggunaan modul ini adalah untuk meningkatkan kepakaran pegawai perunding, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja. MKP mengandungi enam (6) silibus berkaitan proses-proses pengendalian kes di bawah undang-undang perburuhan terutamanya Akta 177 dan turut melibatkan Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Umur Persaraan Minimum 2012, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 serta Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967.

Tahun 2021 menyaksikan JPPM terus menghadapi cabaran dalam pengendalian operasi Jabatan akibat dari wabak COVID-19 yang masih kekal melanda negara dan dunia. Perintah Kawalan Pergerakan masih diteruskan sehingga ke pertengahan tahun dan norma baharu dalam pekerjaan masih dilaksanakan. Berita baiknya rakyat telah mula mendapatkan vaksin bagi mengekang wabak ini.

Bagi pelaksanaan program Jabatan, beberapa program terpaksa dibatalkan terutama yang memerlukan penglibatan ramai seperti program Simposium Keharmonian Perusahaan disamping peruntukkan perbelanjaan yang turut diarahkan untuk dipulangkan semula.

Pada tahun 2021, Jabatan menerima sebanyak 407 kes pertikaian perusahaan dikendalikan berbanding 428 kes pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut sebanyak 337 kes atau 83 peratus berjaya diselesaikan. Daripada 407 kes pertikaian perusahaan yang dikendalikan sebanyak 114 kes merupakan kes yang melibatkan Perjanjian Kolektif.

Bagi kes representasi pemulihan kerja pula, sebanyak 3,684 kes diterima pada tahun 2021 berbanding 7,718 kes pada tahun 2020 iaitu penurunan sebanyak 52 peratus. Jumlah *ex-gratia* yang dibayar kepada perayu pada tahun 2021 ialah RM30,026,976.84

Promosi *Productivity Linked-Wage System* (PLWS) juga menunjukkan peningkatan jumlah majikan yang melaksanakan PLWS bagi tahun 2021 sebanyak 92,272 majikan dengan jumlah pekerja yang menikmati faedah daripada pelaksanaan PLWS adalah 5,221,397 orang pekerja.

Kejayaan dan pencapaian JPPM sepanjang tahun 2021 merupakan manifestasi komitmen tinggi yang diberikan oleh semua warga kerja JPPM yang telah menjalankan tugas dengan dedikasi dan memberikan hasil kerja yang memberangsangkan dalam usaha mendukung visi dan misi JPPM agar penyampaian perkhidmatan yang sedia ada berada pada tahap yang lebih cemerlang serta boleh dibanggakan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja JPPM yang terlibat dalam menjayakannya.

Harapan saya agar usaha yang mulia dan baik ini diteruskan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan perkhidmatan Jabatan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.



**Khalid bin Jali**  
**Ketua Pengarah**  
**Perhubungan Perusahaan**

# AHLI SIDANG REDAKSI



**PENAUNG**  
Khalid bin Jali



**PENASIHAT**  
Sulaiman bin Ismail



**KETUA EDITOR**  
Ahmad Badri bin  
Jaafar @ Ismail

**EDITOR**  
Farazeta binti  
Mohd Lani

**KOORDINATOR**  
Ts. Dr. Siti Hawa  
binti Mohd Kasmuri

**AHLI**



**Abdul Raof  
bin Mohd Ali**

**Nor Aina  
Azreen binti  
Mohamed  
Hisham**

**Nor Hafidzah  
binti Qasim**

**Marina binti  
Zakariah**

**Nor Hakimah  
binti Saliuddin**

# KANDUNGAN

---

<b>BAHAGIAN 1 :</b> Pengenalan Kepada Jabatan	<b>02</b>
<b>BAHAGIAN 2 :</b> Laporan Eksklusif	<b>16</b>
<b>BAHAGIAN 3 :</b> Pencapaian Aktiviti-aktiviti Utama JPPM	<b>30</b>
• Pemantapan Penyelesaian Pertikaian	<b>31</b>
• Memperkasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]	<b>41</b>
• Melestarikan Keharmonian Perusahaan	<b>51</b>
• Memacu Pelaksanaan Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti	<b>63</b>
• Pembangunan Modal Insan Dan Pengurusan Kewangan Yang Mapan	<b>71</b>
• Pengukuhan Penyampaian Perkhidmatan	<b>87</b>
<b>BAHAGIAN 4 :</b> Galeri JPPM 2021	<b>96</b>

**BAHAGIAN**

**1**

**Pengenalan  
Kepada Jabatan**

# MAKLUMAT KORPORAT

JPPM telah ditubuhkan pada 21 Disember 1972. JPPM pada asalnya adalah sebahagian daripada Jabatan Buruh dan Perhubungan Perusahaan. JPPM merupakan salah sebuah organisasi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Jabatan ini diketuai oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia (KPPP), yang bertanggungjawab kepada Menteri Sumber Manusia melalui Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia mengenai semua fungsi dan tugas Jabatan.

Di peringkat Ibu Pejabat di Putrajaya, KPPP dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah dan enam (6) orang Pengarah yang mengetuai bahagian-bahagian berikut iaitu Bahagian Pemulihan Kerja & Pengurusan Rundingan Damai, Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar, Bahagian Keharmonian Perusahaan, Bahagian Pertikaian Perusahaan, Bahagian Perundangan dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Setiap pegawai di JPPM mempunyai kemahiran dalam penyelesaian pertikaian melalui rundingan damai di antara majikan / kesatuan majikan dengan pekerja / kesatuan pekerja.

JPPM mempunyai 13 Pejabat Negeri di seluruh Malaysia kecuali Pejabat Negeri Perlis yang di tadbir urus di bawah Pejabat Negeri Kedah. Pejabat negeri diketuai oleh Pengarah yang melapor terus kepada KPPP. Di samping itu, terdapat dua (2) buah pejabat cawangan di Negeri Johor iaitu di Muar dan Kluang yang diketuai oleh Penolong Pengarah Perhubungan Perusahaan.

# MAKLUMAT KORPORAT

## VISI

Mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif dalam negara.

## VISI

Menggalakkan dan mengekalkan perhubungan yang harmoni dan kondusif di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka untuk kemajuan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

## OBJEKTIF

Untuk memupuk dan memelihara perhubungan yang harmoni di antara majikan dan pekerja serta kesatuan-kesatuan sekerja mereka bagi mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang aman dan tenteram dalam negara.

# FUNGSI UTAMA

Memantau perkembangan dan arah aliran (trends) perhubungan perusahaan di dalam negara untuk membantu kerajaan mengkaji dasar perhubungan perusahaan negara khasnya dan dasar buruh negara amnya dari semasa ke semasa

**01**

Menyelaras perhubungan di antara kesatuan-kesatuan majikan dan kesatuan-kesatuan pekerja untuk memupuk dan memelihara perhubungan kerjasama tiga pihak di antara kerajaan, majikan dan pekerja dalam bidang perhubungan perusahaan

**02**

Menggalakkan dan membantu perjalanan perundingan kolektif (collective bargaining) dan Joint Consultative Council di tempat-tempat pekerjaan untuk mendorong amalan konsep self-governance in industry dan konsep musyawarah

**03**

Menyediakan khidmat nasihat kepada majikan, pekerja, kesatuan majikan dan kesatuan pekerja untuk memupuk amalan perhubungan perusahaan yang baik dan sihat

**04**

Menyediakan khidmat rundingan damai (conciliation service) untuk mencegah dan menyelesaikan pertikaian dan tindakan perusahaan

**05**

Mendamaikan pertikaian yang berbangkit dari representasi pekerja untuk dipulihkan dalam pekerjaan asal mereka

**06**

Mengendalikan tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan-kesatuan sekerja

**07**

Membantu pekerja untuk menyelesaikan masalah-masalah berbangkit dari tindakan tidak adil oleh majikan mereka







**08**


## PIAGAM PELANGGAN

JPPM diamanahkan untuk membekal perkhidmatan perunding damai yang terlatih. Dengan itu, kami berjanji:

- Memberi maklumbalas kepada setiap representasi, aduan dan kes pertikaian perusahaan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh penerimaan;
- Bertindak serta-merta ke atas semua tindakan perusahaan yang diketahui;
- Memproses dan menyelesaikan tuntutan pengiktirafan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan setelah semua dokumen lengkap diterima;
- Memulakan siasatan terhadap sebarang aduan berkenaan pelanggaran peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima;
- Memberi layanan sewajarnya kepada setiap representasi / aduan yang diterima daripada pekerja / majikan / kesatuan sekerja;
- Memberikan perkhidmatan rundingan damai dengan adil dan saksama;
- Memberi khidmat nasihat kepada para pelanggan dengan prihatin dan kemesraan;
- Melaksanakan fungsi untuk memelihara suasana perhubungan perusahaan yang harmoni, meningkatkan jalinan kerjasama tripartisme yang produktif, mesra dan berkualiti; dan
- Meningkatkan kesedaran mengenai hak dan obligasi di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Peraturan-peraturannya kepada pelanggan.

# CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA 2021





**PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG JABATAN  
GRED L44**  
MUHAMAD SAFUAN  
BIN AZHAR

**BAHAGIAN KEHARMONIAN  
PERUSAHAAN  
PENGARAH GRED S48**  
SAADIAH BINTI  
SAAD

**BAHAGIAN  
PERUNDANGAN  
PENGARAH GRED S48**  
ZAINAB BINTI KAMAR

**BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN  
PENGARAH GRED S48**  
MOHD KHAIRI BIN  
SAMSUDIN

**JPP PULAU PINANG  
PENGARAH GRED S52**  
MOHD NIZAR  
BIN ZAKARIA


**JPP PERAK  
PENGARAH GRED S52**  
MOHD NOR BIN YAAKOB

**JPP N.SEMBILAN  
PENGARAH GRED S48**  
LAVANIYAN A/L  
NATHAN

**JPP KELANTAN  
PENGARAH GRED S48**  
NAZIYAH BINTI SAID

**JPP SABAH  
PENGARAH GRED S48**  
WALTER RAYMOND

**JPP SARAWAK  
PENGARAH GRED S48**  
- KOSONG -



# PENGURUSAN TERTINGGI



**KETUA PENGARAH**  
Khalid bin Jali

**TIMBALAN  
KETUA PENGARAH**  
Sulaiman bin Ismail



- 1** PENGARAH BAHAGIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN  
Aminah Binti Musthapha
- 2** PENGARAH BAHAGIAN PEMULIHAN KERJA & PENGURUSAN RUNDINGAN DAMAI  
Ahmad Badri Bin Jaafar @ Ismail
- 3** PENGARAH BAHAGIAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN  
Saadiah Binti Saad
- 4** PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN  
Zainab Binti Kamar
- 5** PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
Mohd Khairi Bin Samsudin

Nota:

Jawatan Pengarah Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar kosong mulai 27 September 2021

# PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI



**ANITA BINTI AHMAD**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SELANGOR**

Menara Bank Rakyat Shah Alam,  
Tingkat Bawah & Mezzanine,  
No. 1, Jalan Indah 14/8, 40000 Shah Alam,  
SELANGOR

Tel: 03 5650 1600 Faks: 03 5510 7817

E-mel: [jppmsel@mohr.gov.my](mailto:jppmsel@mohr.gov.my)

Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan Negeri  
Selangor



**MOHD SAZALI BIN ABDUL WAHAB**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN JOHOR**

Tingkat 2 & 3, Blok A, Wisma Persekutuan,  
Jalan Air Molek, 80000 Johor Bahru, JOHOR

Tel: 07 2243 011 Faks: 07 2220 671

E-mel: [jppmjoh@mohr.gov.my](mailto:jppmjoh@mohr.gov.my)

Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan Johor



**MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PULAU PINANG**

Jalan Bagan Luar, 12000 Butterworth,  
PULAU PINANG

Tel: 04 3231481 Faks: 04 3231462

E-mel: [jppmpul@mohr.gov.my](mailto:jppmpul@mohr.gov.my)

Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan Pulau  
Pinang\_official



**MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Tingkat 8, Menara PERKESO, 281, Jalan Ampang,  
50536 KUALA LUMPUR

Tel: 03 4257 9911 Faks: 03 4257 2682

E-mel: [jppmwil@mohr.gov.my](mailto:jppmwil@mohr.gov.my)

# PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI



## **MOHD NOR BIN YAACOB**

### **JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PERAK**

Tingkat 4, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh,  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said, 30450 Ipoh, PERAK

Tel: 05 2418 422 Faks: 05 2416 981

E-mel: [jppmper@mohr.gov.my](mailto:jppmper@mohr.gov.my)

Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan  
Malaysia Negeri Perak



## **HAKIMAH BINTI IBRAHIM**

### **JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN TERENGGANU**

Tingkat 12, Wisma Persekutuan,  
20200 Kuala Terengganu, TERENGGANU

Tel: 09 221 516 Faks: 09 6235 628

E-mel: [jppmter@mohr.gov.my](mailto:jppmter@mohr.gov.my)

Facebook: JPP Terengganu



## **MOHD NOR ZULHILMIE BIN MOHD SALLEH**

### **JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN KEDAH / PERLIS**

Aras 5, Zon B, Wisma Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
06550 Bandar Muadzam Shah, KEDAH

Tel: 04 7307 535 Faks: 04 7321 026

E-mel: [jppmked@mohr.gov.my](mailto:jppmked@mohr.gov.my)

Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan  
Kedah / Perlis



## **LAVANIYAN A/L NATHAN**

### **JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI SEMBILAN**

Tingkat 3, Wisma Persekutuan,  
Jalan Dato' Abd Kadir, 70000 Seremban,  
NEGERI SEMBILAN

Tel: 06 7624 946 Faks: 06 7638 946

E-mel: [jppmneg@mohr.gov.my](mailto:jppmneg@mohr.gov.my)

Facebook: JPP Negeri Sembilan

# PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI



**DR BALASUBRAMANIAM A/L A. TARUMARAJA**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MELAKA**

Tingkat 3, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, MELAKA  
Tel: 06 345 030 Faks: 06 2345 033  
E-mel: jppmmel@mohr.gov.my  
Facebook: Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Malaysia Negeri Melaka




**NAZIYAH BINTI SAID**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN KELANTAN**

Tingkat 3, Wisma Persekutuan,  
Jalan Bayam, 15536 Kota Bharu, KELANTAN  
Tel: 09 7441 144 Faks: 09 7461 355  
E-mel: jppmkel@mohr.gov.my  
Facebook: Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Kelantan



**WALTER RAYMOND**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SABAH**

Tingkat 4, Blok C, Bangunan KWSP  
Peti Surat 11304, 88814 Kota Kinabalu, SABAH  
Tel: 088 270 369 Faks: 088 270 368  
E-mel: jppmsab@mohr.gov.my  
Facebook: Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Malaysia Negeri Sabah



**ROHIZAH BINTI MOHD RAZALI**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PAHANG**

Tingkat 7, Wisma Persekutuan,  
Jalan Gambut, 25532 Kuantan, PAHANG  
Tel: 09 5164 785 Faks: 09 5165 352  
E-mel: jppmpah@mohr.gov.my  
Facebook: Jabatan Perhubungan  
Perusahaan Pahang

# PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI



**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SARAWAK**  
20-01 & 20-02, Aras 20, Somerset Gateway Kuching  
No. 9, Jalan Bukit Mata, 93100 Kuching, SARAWAK  
Tel: 082 418 112 Faks: 082 419 121  
E-mel: [jppmsar@mohr.gov.my](mailto:jppmsar@mohr.gov.my)  
Facebook: Jabatan Perhubungan Perusahaan Sarawak



**NOR HANI BINTI ISKANDAR**  
**PEJABAT CAWANGAN KLUANG**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN JOHOR**  
Tingkat 2, Bangunan Persekutuan,  
Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor  
Phone: 07 7722 188  
E-mel: [jppmklu@mohr.gov.my](mailto:jppmklu@mohr.gov.my)



**AISYAH RADZIAH BINTI MOHD MANOOR**  
**PEJABAT CAWANGAN MUAR**  
**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN JOHOR**  
Tingkat 3, Bangunan Kementerian Sumber Manusia,  
Jalan Othman, 84000 Muar, Johor  
Telefon: 06 9521 116  
E-mel: [jppmmua@mohr.gov.my](mailto:jppmmua@mohr.gov.my)

## PENCAPAIAN TAHUNAN 2021

Peratus Penyelesaian Representasi Pemulihan Kerja	80.86%
Peratus Penyelesaian Pengendalian Pertikaian Perusahaan	83.00%
Peratus Penyelesaian Pengendalian Tuntutan Pengiktirafan	88.40%
Nilai <i>Ex-Gratia</i> Sepanjang Tahun 2021	RM 30,026,976.84
<i>Industrial Harmony Index (IHI) Nasional</i>	78.00% (2020)
Jumlah Majikan Yang Mengamalkan PLWS	92,272

**BAHAGIAN**

**2**

**Laporan Eksklusif**

# PELAN STRATEGIK JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA 2021-2025

Pembentukan PS-JPPM 2021-2025 merupakan kesinambungan dari Pelan Strategik Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia 2016-2020 (PS-JPPM 2016-2020) yang telah berakhir. PS-JPPM 2021-2025 dibentuk bertujuan untuk menetapkan hala tuju Jabatan berdasarkan kepada pengekal hubungan harmoni di tempat pekerjaan. Aspirasi pembentukan PS-JPPM 2021-2025 adalah PS-KSM 2021-2025 di bawah Teras 3 iaitu Jaminan Hak, Keselamatan, Kesihatan & Kesejahteraan Sosial Pekerja. Teras ini memastikan keberhasilan dari segi kebajikan dan kesejahteraan sosial pekerja terjamin serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan harmoni.

## Manfaat Pembentukan PS-JPPM 2021-2025;

Pihak-pihak luar memperolehi maklumat berkenaan dengan Jabatan, proses dan aktiviti-aktiviti yang dirancang


Pihak Jabatan dapat memberikan kefahaman tentang langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan bagi memberikan perkhidmatan terbaik dalam suasana kerja norma baharu dan arahan-arahan semasa berkaitan pandemik COVID-19 oleh Majlis Keselamatan Negara

Kualiti dan produktiviti Jabatan dapat dipertingkatkan ke tahap yang maksima kerana pegawai diberi pendedahan maklumat serta kaedah pengendalian aktiviti-aktiviti yang telah dirancang

Meningkatkan motivasi pegawai dan kakitangan berdasarkan panduan perancangan aktiviti di dalam buku PS-JPPM 2021-2025

Promosi Jabatan secara tidak langsung dari segi fungsi, peranan dan sumbangan kepada ekonomi dan keselamatan negara

Input PS-JPPM 2021-2025 telah dimuktamadkan melalui pelaksanaan empat (4) siri bengkel. Bengkel Siri 1 melibatkan Pengarah-pengarah Bahagian di Ibu Pejabat dilaksanakan bertujuan untuk membuat cadangan awal kepada Teras Strategik dan KPI Jabatan bagi tempoh lima (5) tahun. Hasil bengkel siri 1 ini telah diusulkan kepada semua Pengarah-pengarah Negeri dalam bengkel siri 2 yang bertujuan untuk melihat perspektif pengarah-pengarah Negeri berkenaan input dari Ibu Pejabat. Selanjutnya, pelaksanaan bengkel siri 3 pula diadakan untuk memuktamadkan input yang telah dicadangkan di dalam dua bengkel sebelumnya. Rentetan dari bengkel siri 3, satu bengkel bacaan pruf akan dilaksanakan pada 13 Januari 2022 yang bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan teknikal ejaan dan sebarang penambahbaikan kepada susun atur kandungan buku PS-JPPM 2021-2025 sebelum ianya diterbitkan. Selanjutnya, PS-JPPM 2021-2025 dijangka akan dilancarkan pada bulan Jun 2022 bersempena dengan Simposium Keharmonian Perusahaan (Wilayah Utara) di Kedah.



Enam (6) teras strategik telah dibentuk hasil dari empat (4) siri bengkel. Teras strategik disokong dengan sembilan (9) program dan 31 KPI. Setiap KPI yang dipersetujui telah mengambil kira peranan dan fungsi Jabatan dalam keharmonian perusahaan negara. Dengan keadaan semasa pandemik COVID-19, fokus pembentukan KPI juga menyasarkan keperluan pekerjaan semasa yang mengambil kira keperluan bekerja dari rumah, kesan-kesan selepas pandemik COVID-19 dan hala tuju Jabatan selepas era pandemik COVID-19.



### TERAS 1

PROGRAM 1: 6 KPI  
PROGRAM 2: 1 KPI







### TERAS 2

PROGRAM 1: 5 KPI



### TERAS 3

PROGRAM 1: 5 KPI  
PROGRAM 2: 1 KPI  
PROGRAM 3: 2 KPI



### TERAS 4

PROGRAM 1: 2 KPI


### TERAS 5


PROGRAM 1: 4 KPI

### TERAS 6


PROGRAM 1: 5 KPI

## JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM DAN KPI





Pengarah Khidmat Pengurusan sedang membentangkan Kamus KPI melibatkan Bahagian Khidmat Pengurusan semasa Bengkel Siri 1



Ucapan oleh KPPP, Encik Khalid bin Jali semasa sesi taklimat bengkel kepada Pengarah-pengarah negeri



Para peserta bengkel siri 2 bergambar kenang-kenangan



Para peserta bengkel siri 3 yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian, Focal Person dan Urus Setia

# PEMBANGUNAN MODUL KEHARMONIAN PERUSAHAAN (MKP)

Pada tahun 2021, JPPM telah membangunkan MKP yang merupakan satu modul latihan berkenaan keharmonian perusahaan merangkumi proses-proses pengendalian kes-kes di bawah undang-undang perburuhan terutama di bawah Akta 177. Pembangunan MKP merupakan salah satu skop di bawah program PETIK yang dianjurkan oleh JPPM bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2021 – 2025. Pembangunan MKP bermula pada Januari 2021 dan dijangka lengkap pada bulan Jun 2022.

Modul yang sedang dibangunkan ini adalah modul yang komprehensif, efektif dan terkini yang akan digunakan bagi meningkatkan kepakaran pegawai perunding Jabatan, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.

Antara objektif pembangunan MKP adalah untuk melaksanakan keseragaman modul latihan terhadap pengendalian kes-kes di Jabatan. Kandungan MKP akan meliputi penerangan berkenaan kes di bawah peruntukan yang terlibat, tafsiran, skop liputan, proses pengendalian, arbitrase serta carta aliran.

Beberapa program telah dirangka bagi membangunkan modul ini mengikut perancangan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Perancangan Aktiviti Bagi Pembangunan MKP**

2021		2022	
PROGRAM	TARIKH	PROGRAM	TARIKH
Penyediaan silibus MKP	Mac	<i>Focus Group Discussion</i>	Februari
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu	April	<i>Pemurnian Written Instructional Material Siri I</i>	Mac
Pemurnian silibus MKP	Mei - Julai	<i>Permurnian Written Instructional Material Siri II</i>	Mei
<i>Penyediaan Written Instructional Material Siri I</i>	September	<i>Jawatankuasa Pemandu</i>	Jun
<i>Penyediaan Written Instructional Material Siri II</i>	Oktober		

Jabatan / Agensi lain di bawah KSM turut dilibatkan di dalam penyediaan modul ini memandangkan kes-kes yang dikendalikan di bawah Akta 177 juga mempunyai kaitan dengan peruntukan undang-undang perburuhan di bawah bidangkuasa Akta Kerja 1955 (Akta 265), Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262), Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753), Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) serta Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan 1967. Sehubungan itu Jabatan dan agensi yang terlibat di dalam pembentukan MKP adalah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia Kerja (JTKSM), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Bahagian Dasar Perburuhan, Mahkamah Perusahaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (Institute of Labour Market Information and Analysis / ILMIA).

#### Silibus yang terdapat di dalam MKP

- 01 Pengendalian Aduan di Bawah Seksyen 8 Akta 177
- 02 Pengiktirafan Kesatuan Sekerja
- 03 Perundingan dan Perjanjian Kolektif
- 04 Pertikaian Perusahaan di bawah Seksyen 18 Akta 177
- 05 Pembuangan Kerja
- 06 Tindakan Perusahaan

Harapan Jabatan, dengan wujudnya MKP ini pemahaman serta kompetensi pegawai perunding Jabatan dapat dipertingkatkan, disamping kefahaman yang seragam mengenai pengendalian kes-kes di dalam konteks undang-undang perburuhan dikalangan majikan, kesatuan dan ahli kesatuan.



**Sekitar Bengkel Penyediaan MKP di Double Tree by Hilton pada 23-24 Mac 2021**



**Sekitar Bengkel Pemurnian WIM Siri 1 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur**

# AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2020 [AKTA A1615]

Dalam proses melaksanakan pindaan undang-undang terhadap Akta 177, Kongress Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Congress of Union of Employees in the Public and Civil Services / CUEPACS) telah mengemukakan satu memorandum bertarikh 27 Mei 2019 kepada YB Menteri Sumber Manusia yang mencadangkan supaya pemakaian Seksyen 20 Akta 177 berhubung representasi pemulihan kerja dipanjangkan kepada pekerja-pekerja badan berkanun. Selaras dengan cadangan tersebut, subseksyen 52(3) telah diperkenalkan dan seterusnya telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 9 Oktober 2019 dan di Dewan Negara pada 19 Disember 2019. Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U. (B) 695/2020].

Rentetan daripada itu, Bahagian Perundangan telah berkolaborasi dengan Cawangan Dasar Perburuhan Kementerian untuk mengadakan konsultasi dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kementerian-kementerian terlibat bagi mendapatkan input-input berkaitan. Hasil daripada konsultasi tersebut, pemakaian subseksyen 52(3) ini dikhususkan kepada Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDSB) terlebih dahulu. Sehubungan itu, Bahagian Perundangan dan Cawangan Dasar Perburuhan selanjutnya mengadakan sesi konsultasi bersama 11 buah BBDSB bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan BBDSB terlibat berhubung kuasa YB Menteri di bawah subseksyen ini. BBDSB yang terlibat adalah:



Walau bagaimanapun, sesi konsultasi ini ditangguhkan sementara bagi mendapatkan pandangan perundangan daripada Jabatan Peguam Negara berhubung isu-isu yang melibatkan kuasa Mahkamah Perusahaan Malaysia yang perlu diputuskan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan pemakaian kepada semua BBDSB yang berkenaan.

Selain daripada isu BBDSB, terdapat sebahagian peruntukan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [Akta A1615] yang masih tidak dapat berkuatkuasa sehingga kini, berikutan dari keperluan kelulusan pindaan terhadap Akta 262 oleh Parlimen terlebih dahulu. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah seperti berikut:




# PELAN TINDAKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN NASIONAL (PETIK)

PETIK merupakan projek susulan daripada hasil dapatan Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI). Kajian IHI telah berjaya membangunkan instrumen bagi mengukur hubungan majikan-pekerja di Malaysia. Ianya juga merupakan kajian pertama seumpamanya di peringkat ASEAN. Lanjutan dari pencapaian ini, kajian IHI juga telah menghasilkan PETIK yang berfungsi sebagai *master plan* untuk Jabatan dan Kementerian dalam merangka pelan tindakan keharmonian perusahaan yang lebih komprehensif. Rentetan daripada itu, melalui RMK-12, Jabatan telah dianugerahi peruntukan sebanyak RM6.4 juta dengan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tahun 2021 bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Sebagai kesinambungan setelah berakhirnya tempoh Wawasan 2020 dan Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020 (RMK-11), dasar dan strategi RMK-12 telah digubal berasaskan kepada tiga dimensi iaitu pemerdayaan ekonomi (*economic empowerment*), kelestarian alam sekitar (*environmental sustainability*) dan kejuruteraan semula sosial (*social re-engineering*). RMK-12 merupakan kesinambungan kepada pelan-pelan pembangunan sebelum ini yang digubal berdasarkan 'Kemakmuran Bersama' (*Shared Prosperity*) yang akan menjadi garis panduan kepada pembangunan jangka panjang.

PETIK menggabungkan secara bersepadu dua (2) projek RMK-11 iaitu PLWS dan IHI bagi menggalakkan perhubungan *partnership* dan mencapai *outcome* mengekalkan keharmonian perusahaan di negara ini. PETIK melibatkan empat (4) skop utama.

SKOP	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT
<b>FOKUS</b>	Membangunkan modul latihan kesedaran berkaitan keharmonian perusahaan yang komprehensif, efektif dan terkini	Memantapkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan PLWS, IHI dan <i>Code of Conduct for Industrial Harmony (COC)</i> dalam kalangan majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.	Mengukur tahap keharmonian perusahaan melalui pemantauan IHI	Menjalankan kajian berkaitan isu keharmonian perusahaan meliputi Kajian Lanjutan Instrumen IHI dan Kajian Impak Pelaksanaan PETIK
<b>KAEDAH PELAKSANAAN</b>	Mesyuarat dan bengkel	Program kolaborasi, bengkel, seminar, dialog, promosi dan penerbitan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa	Kajian	Kajian
<b>JANGKAAN KEBERHASILAN</b>	Modul Keharmonian Perusahaan (MKP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teras 1 – Kompetensi pegawai dalam MKP, PLWS dan COC</li> <li>• Teras 2 – Mendidik dan mempromosikan MKP yang telah dibangunkan pada tahun 2022 serta mempromosikan PLWS dan Keharmonian Perusahaan</li> <li>• Teras 3 – Pengiktirafan berkaitan PLWS dan Keharmonian Perusahaan</li> </ul>	Dua (2) Kajian IHI	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kajian Lanjutan IHI (Pembangunan Instrumen Baharu);</li> <li>ii. Kajian Impak PLWS; dan</li> <li>iii. Kajian Impak Program Pelaksanaan PETIK.</li> </ul>

Pada tahun 2021, fokus pelaksanaan aktiviti PETIK adalah kepada Skop Pertama dan Kedua. Walaubagaimanapun, program-program yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya terutama program-program yang memerlukan penglibatan orang ramai akibat kekangan pandemik COVID-19 yang masih melanda negara serta peraturan-peraturan semasa yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Pelaksanaan program di bawah PETIK akan terus dilaksanakan bagi tahun 2022 hingga 2025. Diharapkan, program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi penghasilan impak yang positif dalam meningkatkan keharmonian perusahaan di Malaysia.



**BAHAGIAN**

**3**


**Pencapaian  
Aktiviti-aktiviti  
Utama JPPM**

# Pemantapan Penyelesaian Pertikaian

# Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja

Pengendalian representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20 Akta 177 merupakan salah satu fungsi utama JPPM. Seseorang pekerja yang menganggap dirinya telah ditamatkan perkhidmatan tanpa sebab atau alasan yang munasabah (*without just cause or excuse*) boleh mengemukakan representasi untuk dipulihkan semula ke pekerjaannya dahulu. Representasi berkenaan mesti dibuat dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penamatan kerja di pejabat negeri JPPM yang berdekatan dengan tempat pekerjaan terakhir pekerja berkenaan.

**Rajah 1: Bilangan Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja Bagi Tahun 2017-2021**




Rajah 1 menunjukkan bilangan kes yang telah dikendalikan oleh JPPM dalam tempoh lima (5) tahun. Pada tahun 2021 Jabatan telah menerima sebanyak 3,684 kes representasi pemulihan kerja dengan baki kes sebanyak 2,867 dibawa daripada tahun sebelumnya menjadikan jumlah keseluruhan kes dikendalikan adalah sebanyak 6,551 kes. Berdasarkan Rajah 1, tahun 2021 menunjukkan penyelesaian keseluruhan kes sebanyak 5,297 kes daripada sebanyak 6,551 kes yang dikendalikan iaitu 80.9 peratus. Peratus penyelesaian kes ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.3 peratus berbanding penyelesaian tahun sebelumnya.

Usaha ke arah membimbing pekerja (perayu) dan majikan untuk mencapai penyelesaian yang bersifat menang-menang (*win-win*) adalah merupakan satu cabaran kepada pegawai-pegawai Jabatan kerana ia menyentuh aspek right to livelihood seseorang pekerja.

Daripada 3,684 kes yang diterima pada tahun 2021, seramai 2,140 perayu yang memfailkan representasi pemulihan kerja terdiri daripada pekerja-pekerja dalam kategori Profesional / Pengurusan dan Eksekutif (Rajah 2) manakala seramai 1,534 perayu adalah daripada kategori Bukan Eksekutif. Baki 10 kes merupakan perayu daripada kategori lain-lain (Ekspatriat & Bukan Ekspatriat). Kes yang difailkan oleh perayu dalam kategori Eksekutif menunjukkan penurunan sebanyak 2,148 kes berbanding tahun 2020, manakala bagi kategori Bukan Eksekutif menunjukkan penurunan sebanyak 1,853 kes. Kategori lain-lain iaitu Ekspatriat & Bukan Ekspatriat turut mencatatkan penurunan daripada tahun sebelumnya.

**Rajah 2: Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Kategori Pekerjaan Bagi Tahun 2016-2020**



Jadual 2 menunjukkan penerimaan kes representasi pemulihan kerja mengikut kategori gaji. Pada tahun 2021, jumlah kategori gaji yang menerima pendaftaran tertinggi adalah di bawah kategori gaji RM2,000 - RM4,999 iaitu sebanyak 1,456 kes. Daripada jadual ini, didapati kategori gaji yang paling tinggi memfailkan kes adalah kategori gaji di bawah RM5,000 bagi tempoh lima (5) tahun berturut-turut.

**Jadual 2: Penerimaan Kes Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Kategori Gaji Bagi Tahun 2017-2021**

<b>KATEGORI GAJI (dalam RM) / TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
<b>RM 0 - RM 1,999</b>	1,009	1,291	1,452	1,598	736
<b>RM 2,000 - RM 4,999</b>	1,572	1,869	2,308	3,352	1,456
<b>RM 5,000 - RM 9,999</b>	860	986	1,412	1,761	901
<b>RM 10,000 - RM 14,999</b>	259	350	385	458	258
<b>RM 15,000 - RM 19,999</b>	122	144	225	252	150
<b>RM 20,000 - RM 24,999</b>	55	61	106	119	60
<b>RM 25,000 - RM 29,999</b>	33	41	56	43	41
<b>RM 30,000 - RM 34,999</b>	17	28	30	33	39
<b>RM 35,000 - RM 39,999</b>	16	18	29	31	13
<b>RM 40,000 - RM 44,999</b>	9	18	13	17	8
<b>RM 45,000 - RM 49,999</b>	1	10	8	8	8
<b>MELEBIHI RM 50,000</b>	20	24	36	46	14
<b>JUMLAH</b>	<b>3,986</b>	<b>4,840</b>	<b>6,060</b>	<b>7,718</b>	<b>3,684</b>

Jadual 3 menunjukkan sebab-sebab penamatan dan jumlah kes yang diterima mengikut jenis penamatan bagi tahun 2017 hingga 2021. Daripada Jadual 3 di bawah didapati pengenehan dan salahlaku menjadi sebab penamatan yang paling kerap dilaporkan. Penamatan disebabkan pengenehan adalah tertinggi pada tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021. Manakala bagi tahun 2017 penamatan disebabkan salahlaku merupakan sebab penamatan tertinggi.

**Jadual 3: Penerimaan Kes Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Sebab Penamatan bagi Tahun 2017-2021**

SEBAB PENAMATAN	2017	2018	2019	2020	2021
Dipaksa Meletak Jawatan	235	248	329	293	157
Kekecewaan Kontrak	59	37	43	25	34
Kontrak Bertempoh Tetap	99	314	230	281	143
Letak Jawatan Secara Sukarela	49	102	92	77	53
Pembuangan Terancang	258	238	351	514	329
Pemecatan Mudah	669	827	1,087	1,252	624
Pengenehan	721	1,151	1,797	3,056	1,057
Perlaksanaan Umur Persaraan	1	1	13	6	1
Persaraan	14	13	14	16	8
Prestasi Kerja Tidak Memuaskan	388	389	479	542	320
Salahlaku	1,170	1,116	1,141	1,096	747
Tidak Disahkan Jawatan	151	229	202	239	105
Lain – lain sebab	172	175	282	321	106
<b>JUMLAH</b>	<b>3,986</b>	<b>4,840</b>	<b>6,060</b>	<b>7,718</b>	<b>3,684</b>

**Jadual 4: Penerimaan Kes Representasi Pemulihan Kerja Mengikut Negeri bagi Tahun 2017-2021**


<b>JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (JPP) NEGERI</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>
<b>JOHOR</b>	335	584	491	762	371
<b>KEDAH / PERLIS</b>	142	170	217	188	149
<b>KELANTAN</b>	125	80	73	59	43
<b>MELAKA</b>	89	279	117	174	76
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	122	154	212	287	108
<b>PAHANG</b>	55	216	126	246	82
<b>PULAU PINANG</b>	307	331	466	531	226
<b>PERAK</b>	188	175	291	244	134
<b>SELANGOR</b>	1,318	1578	1,911	2,866	1,226
<b>TERENGGANU</b>	33	31	58	63	31
<b>SABAH</b>	148	145	126	199	158
<b>SARAWAK</b>	157	161	312	196	116
<b>KUALA LUMPUR</b>	967	936	1,660	1,903	964
<b>JUMLAH</b>	<b>3,986</b>	<b>4,840</b>	<b>6,060</b>	<b>7,718</b>	<b>3,684</b>

Jadual 4 menunjukkan JPP Selangor menerima kes representasi pemulihan kerja tertinggi sepanjang lima (5) tahun. Ini disebabkan kebanyakan syarikat dan pusat-pusat industri tertumpu di Selangor.

# Pengendalian Tuntutan Pengiktirafan

Sesebuah kesatuan sekerja pekerja mesti mendapatkan pengiktirafan daripada majikan sebelum boleh mempelawa majikan untuk memulakan perundingan kolektif. Pengendalian kes Tuntutan Pengiktirafan di bawah Seksyen 9, Akta 177 merupakan salah satu aktiviti utama Jabatan yang melibatkan proses Undi Sulit bagi menentukan peratusan keahlian kesatuan.

**Rajah 3: Pengendalian Kes Tuntutan Pengiktirafan Bagi Tahun 2017-2021**



Berdasarkan Rajah 3, pada tahun 2021 JPPM telah mengendalikan sebanyak 146 kes Tuntutan Pengiktirafan. Daripada jumlah kes yang dikendalikan sebanyak 129 kes berjaya diselesaikan. Rajah tersebut juga menunjukkan penurunan kesatuan sekerja yang menuntut pengiktirafan daripada majikan daripada tahun sebelumnya. Kes penyelesaian Tuntutan Pengiktirafan juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 88.4 peratus berbanding 72.7 peratus pada tahun 2020.

## Pengendalian Kes Perjanjian Kolektif

Perjanjian Kolektif adalah satu perjanjian yang dihasilkan daripada perundingan kolektif yang mengandungi terma-terma dan syarat perkhidmatan yang dipersetujui oleh majikan dan kesatuan sekerja. Ianya diperuntukkan di bawah Seksyen 13 Akta 177.

Kes-kes pertikaian perusahaan yang melibatkan Perjanjian Kolektif adalah seperti keengganan majikan atau kesatuan sekerja untuk memulakan perundingan kolektif dan kebuntuan dalam perundingan kolektif serta aduan-aduan lain yang berkaitan dengan Perjanjian Kolektif.

Bilangan kes yang diterima untuk Perjanjian Kolektif bagi tahun 2021 merupakan yang terendah bagi tempoh lima (5) tahun.

Pada tahun 2021, Jabatan telah mengendalikan sebanyak 114 kes yang melibatkan Perjanjian Kolektif dan sebanyak 84 kes atau 73.7 peratus kes telah berjaya diselesaikan (Jadual 5).

**Jadual 5: Pengendalian Perjanjian Kolektif bagi tahun 2017-2021**


	2017	2018	2019	2020	2021
<b>BAKI TAHUN SEBELUM</b>	25	19	26	28	45
<b>KES TERIMA</b>	117	118	115	98	69
<b>KES KENDALI</b>	142	137	141	126	114
<b>KES SELESAI</b>	123	111	113	81	84

# Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan

Pertikaian Perusahaan atau “trade dispute” ditakrifkan di bawah Akta 177 sebagai suatu pertikaian di antara majikan dengan pekerja yang berhubung kait dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan atau keadaan tempat kerja.

Pada tahun 2021, JPPM telah mengendalikan 407 kes pertikaian perusahaan yang meliputi kes Seksyen 8, Seksyen 13 dan Seksyen 18. Daripada 407 kes yang dikendalikan, sebanyak 337 kes atau 82.8 peratus kes telah berjaya diselesaikan.

**Rajah 4: Pengendalian Kes Pertikaian Perusahaan Bagi Tahun 2017-2021**



Rajah 4 menunjukkan berlaku pengurangan bagi kes yang dikendalikan pada tahun 2021 (407 kes) berbanding tahun 2020 (428 kes) iaitu sebanyak 21 kes. Namun bagi tempoh lima (5) tahun (2017 - 2021) trend bagi kes yang dikendalikan menunjukkan terdapatnya peningkatan dan penurunan. Pihak Jabatan telah mengambil tindakan dan inisiatif seperti menjalankan program-program pencegahan awalan yang telah dilaksanakan secara konsisten setiap tahun bagi mengekalkan keharmonian perusahaan di tempat pekerjaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah penganjuran Program Dialog Tripartite di seluruh negara. Program ini dianjurkan sebagai platform bagi pihak majikan dan kesatuan untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan serta pendapat dengan pihak Jabatan mengenai isu-isu perhubungan perusahaan.

# Pengendalian Tindakan Perusahaan

Tindakan Perusahaan adalah merujuk kepada Piket, Mogok atau Sekat Masuk (Lock Out). JPPM adalah bertanggungjawab dan memainkan peranan utama dalam membendung kejadian tindakan perusahaan bagi memupuk dan memelihara keharmonian perusahaan negara demi mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif.

Pada tahun 2021 tiada kejadian mogok sah yang dilaporkan ke Jabatan ini. Manakala bagi piket pula sebanyak 7 kejadian telah dilaporkan yang melibatkan 367 orang pekerja. Jadual 6 menunjukkan penurunan tindakan piket yang dilaporkan bagi tahun 2021 berbanding tahun 2020.

**Jadual 6: Pengendalian Kes Tindakan Perusahaan (Piket) bagi tahun 2017-2021**

PIKET	BILANGAN KES	BILANGAN PEKERJA TERLIBAT
2017	8	885
2018	18	3,577
2019	25	7,228
2020	8	1,064
2021	7	367

**Jadual 7: Pengendalian Piket Mengikut Sektor Bagi Tahun 2021**

SEKTOR	BILANGAN KES	BILANGAN PEKERJA TERLIBAT
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1	174
Pembuatan	4	140
Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan	1	22
Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial	1	31
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>367</b>

Jadual 7 menunjukkan piket yang dilaporkan pada tahun 2021 adalah dari beberapa sektor yang melibatkan seramai 367 pekerja. Kesemua tindakan perusahaan yang dilaporkan ini telah diambil tindakan serta-merta oleh pihak Jabatan.

# **Memperkasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]**

Selain terlibat dengan penggubalan undang-undang serta isu-isu berkaitan hal ehwal perundangan di bawah Akta 177, Bahagian Perundangan juga mengendalikan kes-kes permohonan Semakan Kehakiman serta menjalankan siasatan bagi tujuan pendakwaan terhadap pihak-pihak yang melanggar peruntukan di bawah Akta 177 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

## Semakan Kehakiman Dan Undang-undang

Semakan Kehakiman (*Judicial Review*) bermaksud suatu proses di mana Mahkamah Tinggi menjalankan bidang kuasa pengawasan ke atas prosiding dan keputusan mahkamah yang lebih rendah, tribunal, badan-badan atau individu yang menjalankan fungsi kuasi kehakiman atau yang menjalankan tugas-tugas awam. Ia merupakan satu alternatif yang digunakan oleh pihak-pihak yang terkilan untuk mencabar kesahan suatu proses membuat keputusan oleh pihak berkuasa awam.

Dalam konteks Akta 177 yang dikuatkuasa oleh JPPM, YB Menteri Sumber Manusia (YB Menteri) adalah berkuasa untuk membuat keputusan berhubung perkara-perkara berikut:

- i. Keputusan berhubung aduan di bawah subseksyen 8(2) Akta 177 yang berkaitan seksyen 4, 5 dan 7 Akta 177;
- ii. Keputusan berhubung skop keahlian di bawah subseksyen 9(1D) Akta 177;
- iii. Keputusan berhubung tuntutan pengiktirafan di bawah subseksyen 9(5) Akta 177;
- iv. Keputusan merujuk pertikaian perusahaan di bawah seksyen 18 Akta 177 ke Mahkamah Perusahaan; dan
- v. Keputusan berhubung representasi terhadap pemecatan di bawah subseksyen 20(3) Akta 177.

Melalui pindaan kepada Akta 177 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2021, kuasa membuat keputusan Menteri kepada perkara-perkara di bawah telah digantikan dengan KPPP.

- i. Keputusan berhubung aduan di bawah subseksyen 8(2) Akta 177 yang berkaitan seksyen 4, 5 dan 7 Akta 177;
- ii. Keputusan berhubung skop keahlian di bawah subseksyen 9(1D) Akta 177;
- iii. Keputusan berhubung tuntutan pengiktirafan di bawah subseksyen 9(5) Akta 177; dan
- iv. Keputusan berhubung representasi terhadap pemecatan di bawah subseksyen 20(3) Akta 177.

**Jadual 8: Bilangan Keseluruhan Kes Di Bawah Akta 177 Yang Telah Diputuskan Dan Bilangan Semakan Kehakiman Bagi Tahun 2017 Sehingga 2021**

PERKARA \ TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	5,412	2,787	2,702	2,687	3,010	<b>16,598</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	34	38	20	37	22	<b>151</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman / Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	0.6	1.4	0.7	1.48	0.73	<b>0.91</b>

Berdasarkan Jadual 8, terdapat peningkatan sebanyak 323 kes atau 12.02 peratus pada tahun 2021 bagi kes yang telah diputuskan jika dibandingkan dengan tahun 2020. Daripada jumlah 3,010 kes tersebut, 2,516 merupakan kes yang diputuskan oleh YB Menteri manakala bakinya iaitu 494 kes merupakan kes yang diputuskan oleh KPPP selaras dengan berkuatkuasa pindaan di bawah subseksyen 20(3), Akta 177 pada 1 Januari 2021. Peningkatan jumlah kes ini berkemungkinan dipengaruhi oleh pandemik COVID-19 yang telah memberi impak kepada situasi ekonomi syarikat.

Walaupun begitu, bagi bilangan permohonan Semakan Kehakiman pada tahun 2021 pula, terdapat penurunan sebanyak 15 kes atau 40.54 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2020. Ianya disebabkan kesan terhadap pindaan di bawah subseksyen 20(3), Akta 177 yang mana kes-kes yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Jabatan akan terus dirujuk ke Mahkamah Perusahaan Malaysia untuk satu keputusan.

**Jadual 9: Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan Di Bawah Seksyen 8 Akta 177 Dan Bilangan Semakan Kehakiman Bagi Tahun 2017 Sehingga 2021**

<b>PERKARA \ TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	5	5	6	5	18	<b>39</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	0	0	0	0	0	<b>0</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman / Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	0	0	0	0	0	<b>0</b>

Seksyen 8 Akta 177 merupakan aduan yang dibuat sama ada oleh pihak majikan, kesatuan majikan, pekerja atau kesatuan sekerja terhadap pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah seksyen 4, 5 dan 7 Akta 177. Berdasarkan Jadual 9 di atas, dapat dilihat peningkatan ketara di antara tahun 2020 dan 2021 dengan perbezaan 13 kes atau 260 peratus. Namun begitu, tiada permohonan Semakan Kehakiman diterima daripada mana-mana pihak sepanjang tempoh 2017 sehingga 2021.

**Jadual 10: Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan Dan Bilangan Semakan Kehakiman Di Bawah Seksyen 9(1D), Akta 177 Bagi Tahun 2017 Sehingga 2021**

<b>PERKARA \ TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	6	13	16	7	2	<b>44</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	2	2	1	3	0	<b>8</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman / Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	33.33	15.38	6.25	50	0	<b>18.18</b>

Subseksyen 9(1D) Akta 177 adalah berhubung keputusan kepada kes-kes yang melibatkan isu skop dan kapasiti. Berdasarkan kepada Jadual 10 disimpulkan bahawa sepanjang tempoh lima (5) tahun, sebanyak 44 kes berhubung keputusan yang melibatkan isu skop dan kapasiti telah diputuskan dan hanya lapan (8) kes atau 18.18 peratus telah menerima permohonan Semakan Kehakiman. Tahun 2019 merupakan tahun tertinggi berhubung keputusan kepada kes-kes yang melibatkan isu skop dan kapasiti manakala tahun 2021 merupakan tahun terendah. Bagi kes permohonan Semakan Kehakiman pula, tahun 2020 merupakan tahun tertinggi manakala tahun 2021 adalah sebaliknya.

**Jadual 11: Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan Di Bawah Seksyen 9(5) Akta 177 Dan Bilangan Semakan Kehakiman Bagi Tahun 2017 sehingga 2021**

<b>PERKARA \ TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	47	36	57	40	44	<b>224</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	6	2	4	3	2	<b>17</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman / Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	12.77	5.56	7.02	7.89	7.89	<b>7.59</b>

Subseksyen 9(5) Akta 177 merupakan subseksyen berhubung keputusan kepada tuntutan pengiktirafan oleh sesebuah kesatuan sekerja ke atas sesebuah syarikat bagi mewakili pekerja-pekerja tertentu yang diambil bekerja. Berdasarkan Jadual 11, terdapat peningkatan sebanyak 10 peratus atau 4 kes pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Manakala bagi bilangan permohonan Semakan Kehakiman pula adalah dua (2) kes diterima iaitu penurunan sebanyak 1 kes dari tahun 2020.

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2017 sehingga tahun 2021 sebanyak 224 kes telah diberi keputusan berhubung tuntutan pengiktirafan oleh sesebuah kesatuan sekerja dan daripada jumlah tersebut hanya 17 kes (7.59 peratus) yang membuat permohonan Semakan Kehakiman. Selain itu bagi tempoh yang sama, tahun 2019 merupakan tahun tertinggi bagi keputusan terhadap tuntutan pengiktirafan oleh sesebuah kesatuan sekerja manakala tahun 2018 merupakan tahun terendah. Bagi kes permohonan Semakan Kehakiman, tahun 2017 merupakan tahun tertinggi manakala tahun 2018 dan 2021 adalah sebaliknya.

**Jadual 12: Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan YB Menteri Di Bawah Seksyen 18 Akta 177 Dan Bilangan Semakan Kehakiman Bagi Tahun 2017 Sehingga 2021**

<b>PERKARA \ TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	36	47	58	24	58	<b>223</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	1	0	0	1	0	<b>2</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Keputusan YB Menteri / Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	2.78	0	0	3.85	0	<b>0.89</b>

Seksyen 18 Akta 177 merupakan seksyen berhubung rujukan pertikaian bagi pendamaian oleh mana-mana pihak kepada KPPP. Apabila KPPP berpuasahati bahawa tiada penyelesaian dicapai, kes akan dirujuk kepada YB Menteri untuk pertimbangan sama ada merujuk kes ke Mahkamah Perusahaan atau sebaliknya. Berdasarkan Jadual 12, pada tahun 2021 sebanyak 58 kes telah diputuskan YB Menteri berhubung rujukan pertikaian di bawah seksyen 18 Akta 177. Daripada jumlah tersebut 38 kes di rujuk ke Mahkamah Perusahaan dan bakinya 20 kes tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Selain itu, dapat diketahui bahawa sepanjang lima (5) tahun sebanyak 223 kes telah diputuskan YB Menteri dan hanya dua (2) kes sahaja atau 0.89 peratus menerima permohonan Semakan Kehakiman.

**Jadual 13: Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan Di Bawah Seksyen 20 Akta 177 Dan Bilangan Semakan Kehakiman Bagi Tahun 2017 sehingga 2021**

<b>PERKARA \ TAHUN</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	5,279	2,651	2,528	2,581	2,854	<b>15,893</b>
<b>Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman</b>	25	34	15	30	20	<b>124</b>
<b>Peratus (%) Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman / Bilangan Kes Yang Telah Diputuskan</b>	0.47	1.28	0.59	1.25	0.70	<b>0.78</b>

Seksyen 20 Akta 177 merupakan seksyen berkaitan representasi terhadap pemecatan. Jadual 13 menunjukkan peningkatan sebanyak 273 kes atau 10.58 peratus bilangan kes yang telah diputuskan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Daripada jumlah 2,854 kes tersebut, sebanyak 2,362 merupakan kes yang diputuskan oleh YB Menteri manakala bakinya iaitu 492 kes merupakan kes yang diputuskan oleh KPPP. Melalui Jadual 13 juga, bilangan kes menunjukkan peningkatan iaitu bermula tahun 2019. Ianya disebabkan situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada akhir tahun 2019 yang telah memberi impak kepada syarikat untuk menstruktur semula organisasi bagi memastikan kelangsungan organisasi dapat bertahan.

Walaupun begitu, bagi bilangan permohonan Semakan Kehakiman pada tahun 2021 menunjukkan pengurangan sebanyak 10 kes atau 33.33 peratus. Nisbah di antara bilangan permohonan Semakan Kehakiman dan bilangan kes yang telah diputuskan bagi tahun 2021 adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 2020 iaitu dengan nisbah 1:143 bagi tahun 2021 dan 1:86 bagi tahun 2020.

## Siasatan Dan Penguatkuasaan

JPPM mempunyai kuasa untuk mendakwa mana-mana pihak yang didapati melanggar peruntukan di bawah Akta 177 dan peraturan-peraturan di bawahnya. JPPM melalui Bahagian Perundangan menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima daripada pihak-pihak yang terkilan. Sesuatu aduan yang diterima akan disiasat dengan membuka fail kertas siasatan (kertas siasatan dibuka) oleh pegawai penyiasat yang dilantik bagi memastikan bahawa aduan yang dikemukakan tersebut berasas dan mempunyai cukup elemen untuk di bawa ke peringkat pendakwaan. Tindakan pendakwaan hanya akan diambil sekiranya kertas siasatan berkenaan telah disemak dan mendapat arahan dari Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Antara peruntukan yang membawa kepada kesalahan adalah:

- i. Intimidasi di bawah Seksyen 39, Akta 177;
- ii. Piket & Mogok di bawah Seksyen 40, 46, 47 & 48, Akta 177;
- iii. Ketidakpatuhan Award atau Perjanjian Kolektif di bawah Seksyen 56 Akta 177;
- iv. *Union Busting* di bawah Seksyen 59 Akta 177; dan
- v. Penalti Am di bawah Seksyen 60, Akta 177

**Jadual 14: Bilangan Kertas Siasatan Berdasarkan Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2017 sehingga 2021**

PERKARA \ TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
<b>Intimidasi (Seksyen 39)</b>	-	-	1	-	1	<b>2</b>
<b>Piket &amp; Mogok (Seksyen 10, 40, 46, 47 &amp; 48)</b>	-	1	-	-	1	<b>2</b>
<b>Ketidakpatuhan Award Mahkamah Perusahaan (Seksyen 56)</b>	6	5	11	6	3	<b>31</b>
<b><i>Union Busting</i> (Seksyen 59)</b>	1	-	1	-	1	<b>3</b>
<b>Penalti Am (Seksyen 60)</b>	3	1	8	5	5	<b>22</b>
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>21</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>60</b>

Berdasarkan Jadual 14 di atas menunjukkan terdapat 11 kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, lima (5) daripadanya adalah berkaitan kesalahan di bawah seksyen 60, Akta 177 iaitu keenganan syarikat mengemukakan maklumat-maklumat pekerja di dalam Borang B kepada Jabatan berhubung tuntutan pengiktirafan yang dibuat oleh kesatuan sekerja.

Bagi kesalahan di bawah seksyen 56 pula, ianya menunjukkan penurunan sebanyak tiga (3) kes atau 50 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2020 dan merupakan bilangan kes yang terendah dalam tempoh empat (4) tahun sebelumnya. Salah satu sebab penurunan adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah denda daripada RM2,000.00 kepada RM50,000.00 yang akan dikenakan sekiranya disabitkan kesalahan selaras dengan pindaan Akta 177. Selain itu, terdapat proviso baru yang ditambah di bawah seksyen ini yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Majistret/ Mahkamah Tinggi / Mahkamah Rayuan untuk mengarahkan orang yang disabit kesalahan membayar apa-apa bayaran tertunggak berkaitan Award yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Bagi kesalahan di bawah seksyen 39, seksyen 59 dan kesalahan-kesalahan yang melibatkan isu-isu piket dan mogok, terdapat pertambahan satu (1) kes setiap satunya pada tahun 2021 jika dibandingkan dengan tahun 2020.

# Melestarikan Keharmonian Perusahaan

# Bengkel Perancangan Program Pelaksanaan PETIK Bagi Tempoh 2021-2025

Bengkel Perancangan Program Pelaksanaan PETIK bagi tempoh RMK-12 (2021 – 2025) merupakan bengkel anjuran Bahagian Keharmonian Perusahaan, JPPM. Bengkel ini diadakan pada 10 hingga 13 Mac 2021 bertempat di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memastikan matlamat-matlamat Jabatan serta dasar Kementerian tercapai melalui perancangan program yang berimpak tinggi, selain berfungsi sebagai *master plan* khususnya untuk Jabatan dan amnya kepada Kementerian. Ianya bagi merangka Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan yang lebih komprehensif. Bagi tujuan tersebut, Ahli Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JTP JPPM) telah dilantik dari kalangan Pengarah Bahagian, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Kanan Pengarah, Penolong Pengarah serta KPPP yang juga merangkap Pengerusi JTP JPPM. Penglibatan di peringkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah penting bagi menyumbangkan idea dan pendapat dalam merangka serta merancang program pelaksanaan PETIK.

Bengkel ini berjaya mencapai objektifnya melalui komitmen yang diberikan oleh semua peserta dalam memurnikan serta membangunkan perancangan keseluruhan PETIK di bawah RMK-12. Selain itu, Terma Rujukan (*Term of Reference / TOR*) bagi MKP juga dapat disediakan yang merangkumi perancangan-perancangan aktiviti bagi menyempurnakan modul tersebut yang dijangka siap dalam tempoh satu setengah tahun. Deraf kertas konsep lengkap bagi program-program Ibu Pejabat dan JPP Negeri juga turut disediakan bertujuan untuk memantau tahap kemajuan program. Bengkel seumpamanya dijangka akan dilaksanakan pada setiap hujung tahun untuk membincangkan program-program yang akan dilaksanakan bagi tahun berikutnya.



**Ketibaan Tuan KPPP bagi Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada peserta Bengkel**



Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada peserta Bengkel

# Bengkel Perancangan Program Pelaksanaan PETIK Di Bawah RMK-12 Bagi Tahun 2022

Pada 11-14 November 2021, satu (1) bengkel bagi membincangkan perancangan program pelaksanaan PETIK telah diadakan di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan. Pelaksanaan bengkel ini merupakan kesinambungan kepada *Rolling Plan* Pertama bagi merancang program yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 sebagai *Rolling Plan* Kedua di bawah RMK-12. Bengkel ini melibatkan pihak pengurusan tertinggi Jabatan iaitu Ahli JTP JPPM.

Bengkel yang dilaksanakan pada kali ini melibatkan perbincangan dalam kumpulan. Peserta telah dibahagikan kepada empat (4) kumpulan berdasarkan agihan tugas di bawah skop yang terlibat (Skop 1, 2 dan 3). Pembentangan tugas kumpulan turut dilakukan bertujuan untuk pemurnian, penambahbaikan serta pengembangan idea-idea baru bagi penyediaan TOR serta kertas konsep. Bengkel ini secara keseluruhannya telah mencapai objektif dengan penyediaan TOR serta draf kertas konsep yang lengkap bagi program-program Ibu Pejabat dan JPP Negeri.

SKOP 1	Modul Latihan Kesedaran	Modul Keharmonian Perusahaan
SKOP 2	Teras 1 – Kompetensi Pegawai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Master on</i> PLWS (MASTOP)</li> <li>• <i>Champion on</i> PLWS CHOP</li> <li>• <i>Train of Trainer</i> (TOT) Modul Keharmonian Perusahaan</li> </ul>
	Teras 2 – Pendidikan dan Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simposium Keharmonian Perusahaan Wilayah Utara (Perasmian oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia)</li> <li>• Program anjuran JPP Negeri</li> </ul>
	Teras 3 – Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah PLWS Tahun 2022 (Perasmian oleh YB Menteri Sumber Manusia)</li> </ul>
SKOP 3	Pengukuran Tahap Keharmonian Perusahaan	Kajian IHI



Ucapan aluan beserta pengisian bengkel oleh Pengarah Bahagian Keharmonian Perusahaan, Pn. Saadiah binti Saad selaku penganjur Bengkel serta taklimat perjalanan bengkel oleh pihak urusetia



Sekitar perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan tugasan



Tuan KPPP sedang berucap semasa Majlis Penutup

# Program Mempromosikan Keharmonian Perusahaan Melalui Media Elektronik

Dalam meneruskan usaha untuk memastikan matlamat 'Kemakmuran Bersama' dapat dicapai, JPPM telah berjaya melaksanakan program mempromosikan keharmonian perusahaan melalui media elektronik iaitu sesi perkongsian berkenaan isu-isu keharmonian perusahaan di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada tahun 2021.

Pelaksanaan program promosi ini dilihat sebagai medium yang berkesan dan efektif dalam menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa Jabatan di samping dapat membina persepsi positif pelanggan terhadap Jabatan. Pelaksanaanya telah mengambilkira langkah-langkah penjimatan (*cost effective*) serta penyaluran maklumat pada masa yang singkat dan bersesuaian dengan situasi semasa. Sebanyak empat (4) program telah dilaksanakan bermula pada bulan April hingga September 2021.

## PEMBUANGAN KERJA - HAK PEKERJA DI BAWAH AKTA 177

BERSAMA

**AHMAD BADRI JAAFAR @ ISMAIL**

PENGAH BAHAGIAN PEMULIHAN KERJA DAN PENGURUSAN RUNDINGAN DAMAI JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA



Poster hebahan program temubual Pengarah Bahagian Pemulihan Kerja dan Pengurusan Rundingan Damai, Encik Ahmad Badri bin Jaafar @ Ismail bersama RTM di dalam program Selamat Pagi Malaysia

Jumlah penonton: 413,000 orang (Sumber: RTM)

JUMAAT, 16 APRIL 2021  
8:00 - 10:00 PAGI



LIVE selamatpagimalaysia #nadiseripagi #rtmmobile

Poster hebahan program temubual Pengarah Bahagian Pertikaian Perusahaan, Puan Aminah binti Musthapha bersama RTM di dalam program Selamat Pagi Malaysia

Jumlah penonton: 203,000 orang (Sumber: RTM)

## SELAMAT PAGI MALAYSIA : TEGUH KITA, MENANG BERSAMA

### PERTIKAIAN DALAM INDUSTRI DI BAWAH AKTA 177

BERSAMA

**AMINAH MUSTHAPHA**

PENGAH BAHAGIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA



ISNIN, 24 MEI 2021  
8:00 PAGI - 12:00 TENGAH HARI



LIVE selamatpagimalaysia #nadiseripagi #rtmmobile



Poster hebahan program temubual Pengarah Bahagian Perundangan, Puan Zainab binti Kamar bersama RTM di dalam program Selamat Pagi Malaysia

Jumlah penonton: 373,000 orang (Sumber: RTM)

Poster hebahan program temubual Timbalan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan, Encik Sulaiman bin Ismail bersama RTM di dalam program Bicara Naratif

Jumlah penonton: 300,000 orang (Sumber: RTM)



Keseluruhan penonton bagi kesemua program ini mencecah seramai 1,289,000 orang. Justeru, ianya adalah satu pencapaian yang amat menggalakkan dan membanggakan bagi Jabatan. Semoga peranan JPPM semakin dikenali dan mendapat tempat dalam hati rakyat Malaysia, khususnya majikan dan para pekerja.

# Program Keharmonian Perusahaan

## Anjuran JPP Negeri

Program keharmonian perusahaan yang berbentuk seminar / dialog *tripartite* ini dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian ekoran daripada pandemik COVID-19 yang masih melanda negara. Pengisian utama dalam sesi seminar / dialog *tripartite* ini adalah berkisar tentang Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan 2020) dan isu-isu semasa berkaitan keharmonian perusahaan.

Tahun 2021 telah menyaksikan kejayaan lapan (8) JPP Negeri dalam pelaksanaan program / aktiviti Keharmonian Perusahaan iaitu JPP Negeri Sabah (Siri 1 & 2), JPP Negeri Kedah/Perlis, JPP WP Kuala Lumpur, JPP Perak, JPP Negeri Sembilan, JPP Kelantan, JPP Pahang dan JPPTerengganu.


Walaupun dilaksanakan secara dalam talian, sambutan daripada majikan, pekerja serta kesatuan sekerja amat menggalakkan dengan jumlah keseluruhan penglibatan peserta adalah 530 orang.

**Jadual 15: Maklumat Penganjuran Seminar / Dialog Tripartite**

JPP NEGERI	TAJUK PROGRAM	TARIKH	PENGISIAN
<b>Sabah (Siri 1)</b>	Taklimat Akta (Pindaan) 2020 [A1615] Perhubungan Perusahaan Anjuran Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah Tahun 2021	12 Oktober 2021 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> </ul>
<b>Sabah (Siri 2)</b>	Webinar Keharmonian Perusahaan Sabah	14 Oktober 2021 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Dialog Isu-Isu Perhubungan Perusahaan: Hak Dan Peranan Kesatuan Dari Perspektif Akta 177</li> </ul>
<b>Kedah/Perlis</b>	Webinar bertajuk "Ke Arah Perhubungan Perusahaan Yang Progresif Melalui Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]"	13 Oktober 2021 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Hak Majikan dan Pekerja di bawah Akta 177</li> </ul>
<b>WP Kuala Lumpur</b>	Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615] dan Pengendalian Kes Pemulihan Kerja Semasa Pandemik COVID-19: Perkongsian JPP WPKL	21 Oktober 2021 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Pengendalian Kes Pemulihan Kerja Semasa Pandemik COVID-19: Perkongsian JPP WPKL</li> </ul>
<b>Perak</b>	Dialog Keharmonian Perusahaan Anjuran JPP Perak	26 Oktober 2021 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Pengeneapan Pekerja Berpandukan Kepada Tatacara Keharmonian Perusahaan</li> </ul>
<b>Kolaborasi Zon Timur (Kelantan, Pahang &amp; Terengganu)</b>	Cabaran Era Baru Keharmonian Perusahaan	27 Oktober 2021 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Perkongsian Kesatuan Sekerja &amp; Majikan berkenaan isu semasa keharmonian perusahaan</li> </ul>
<b>Negeri Sembilan</b>	Dialog <i>Tripartite</i> Keharmonian Perusahaan, JPP Negeri Sembilan Tahun 2021	28 Oktober 2021 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 [A1615]</li> <li>Impak COVID-19 kepada sektor perindustrian di Negeri Sembilan dari perspektif majikan (oleh wakil <i>Malaysian Employers Federation / MEF</i>)</li> <li>Impak COVID-19 kepada sektor perindustrian di Negeri Sembilan dari perspektif pekerja / kesatuan sekerja (oleh wakil <i>MTUC</i>)</li> </ul>



Seminar anjuran JPP Sabah (Siri 1 dan 2)



Seminar anjuran JPP Kedah / Perlis



Seminar anjuran JPP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JPP PERAK is presenting

**1. Kuasa Menteri Dipindahkan Kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP)**

a. Bagi mempercepatkan proses penyelesaian kes, kuasa-kuasa Menteri berikut dipindahkan kepada KPPP :

- i) Kuasa Menteri untuk merujuk ke Mahkamah Perusahaan kes mengenai pelanggaran terhadap hak kebebasan untuk berkesatuan [subseksyen 8(2) Akta 177].
- ii) Kuasa Menteri untuk merujuk ke Mahkamah Perusahaan kes representasi pemulihan kerja [seksyen 20(3) Akta 177].
- iii) Kuasa Menteri untuk membuat keputusan mengenai pertikaian yang melibatkan isu kapasiti (sama ada seseorang pekerja digajikan dalam kapasiti pengurusan, eksekutif, sulit atau keselamatan) [subseksyen 9(1d)] .
- iv) Kuasa Menteri untuk memutuskan isu berkaitan tuntutan pengiktirafan kesatuan sekerja (sama ada pengiktirafan perlu diberikan oleh majikan kepada kesatuan sekerja pekerja) [subseksyen 9(5)].

10:18 AM | DIALOG KEHARMONIAN PERUSAHAA...

Seminar anjuran JPP Perak

**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN  
NEGERI SEMBILAN**

# DIALOG TRIPARTITE

## KEHARMONIAN PERUSAHAAN

**IMPAK COVID-19 :  
KEPADA SEKTOR  
PERINDUSTRIAN DI  
NEGERI SEMBILAN**

**KHAMIS | 28 OKTOBER 2021  
10.30 PAGI – 12.30 TENGAHARI**

	Bersama <b>TN. HJ. KHALID BIN JALI</b> KETUA PENGARAH JPPM	EN. LAVANIYAN NATHAN PENGARAH JPPN9	EN. RAZIMAN MOHD NASIR SIVA SENIOR SECTION HEAD INDUSTRIAL RELATIONS & EMPLOYEE RELATIONS ONSEMI & MEF IR PANEL FOR N9 REGION	EN. MOHD EFFENDY BIN ABDUL GHANI TIM. PRESIDEN MTUC
--	---	--	--	---


Seminar  
anjuran JPP  
Negeri  
Sembilan

# Dialog Sosial

Dialog Sosial atau dikenali sebagai *Townhall Sharing Session* ialah program dialog sosial bersama majikan, pekerja atau kesatuan sekerja. Aktiviti yang terlibat adalah ceramah, karnival, seminar, dialog bipartite, dialog tripartite serta dialog keharmonian perusahaan. Bagi tahun 2021, sebanyak 893 program dialog sosial telah berjaya dilaksanakan dengan peningkatan sebanyak 201 program dari tahun sebelumnya.

Program dialog sosial dijalankan dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mengekalkan hubungan yang harmoni di antara majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan agensi kerajaan. Melaluinya, ketiga-tiga pihak dapat saling bertukar pandangan, idea serta pengalaman dalam mendepani isu-isu perburuhan semasa.

**Rajah 5: Perbandingan Bilangan Program Dialog Sosial Yang Berjaya Dilaksanakan Dari Tahun 2017 – 2021**




## Lawatan Harmoni

Selain dialog sosial, antara langkah proaktif Jabatan untuk meningkatkan keharmonian di tempat pekerjaan adalah mengadakan lawatan harmoni ke syarikat-syarikat dan kesatuan sekerja. Berikutan pandemik COVID-19 serta arahan PKP oleh MKN, maka pelaksanaan lawatan harmoni turut mengalami perubahan. Program lawatan harmoni boleh dilakukan sama ada ke tempat pekerjaan dengan mendapat persetujuan syarikat yang ingin dilawat atau perjumpaan secara *ad-hoc* melalui platform dalam talian atau kehadiran majikan / kesatuan ke pejabat.

Pada tahun 2021 terdapat peningkatan sebanyak 1,117 lawatan harmoni berjaya dicapai walaupun negara masih lagi berhadapan dengan fasa pemulihan dari pandemik COVID-19. Pelbagai usaha dan alternatif diambil bagi memastikan lawatan harmoni ini dapat dilaksanakan walaupun terdapat kekangan-kekangan terutamanya dalam mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure / SOP*).

Melalui lawatan harmoni ini, apa-apa pertikaian yang mungkin timbul antara majikan, pekerja atau kesatuan sekerja dapat ditangani menerusi penerapan Tatacara Keharmonian Perusahaan serta *self-governance / enterprise cooperation* dalam kalangan majikan, pekerja, kesatuan. Selain itu, lawatan harmoni ini turut berfungsi sebagai satu kaedah yang berkesan untuk membantu pihak majikan menyediakan atau menambah baik faedah serta kemudahan kepada pekerja. Bagi tahun 2021 sebanyak 2,929 lawatan harmoni berjaya dilaksanakan.

**Rajah 6: Pencapaian Lawatan Harmoni Tahun 2017 – 2021**



# **Memacu Pelaksanaan Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti**


# Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti / *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*

PLWS merupakan satu (1) sistem bagi mewujudkan kaitan yang rapat antara upah dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing syarikat seterusnya daya saing negara. Ia bukan sahaja memberi manfaat kepada majikan malah kepada pekerja sama ada yang berkesatuan atau tidak berkesatuan.


PLWS membantu meningkatkan daya saing selain mampu menggalakkan kestabilan pekerjaan. Justeru, PLWS membolehkan syarikat membangunkan pendekatan sistematik yang lebih luas ke arah meningkatkan produktiviti dan prestasi.

Selaras dengan saranan kerajaan untuk menggalakkan pelaksanaan PLWS dalam semua industri di Malaysia, JPPM dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Council / MPC*) telah mengambil langkah proaktif bagi mempromosikan PLWS melalui aktiviti-aktiviti seperti seminar, bengkel, dialog sosial, lawatan harmoni, penyediaan garis panduan dan pelbagai aktiviti lain mengikut kaedah norma baharu dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

Tahun 2021 menyaksikan peningkatan bilangan majikan baru yang melaksanakan PLWS sebanyak 2,513 menjadikan keseluruhan bilangan majikan yang melaksanakan PLWS adalah 92,272 majikan. Peningkatan bilangan majikan yang melaksanakan PLWS turut menunjukkan peningkatan bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS seramai 404,276 menjadikan jumlah bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS adalah seramai 5,221,397 orang. Perbandingan peningkatan bilangan majikan yang melaksanakan PLWS dan bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS adalah seperti dalam Rajah 7 di bawah.



**Rajah 8: Pecahan Bilangan Majikan Yang Telah Melaksanakan PLWS Mengikut Sektor Bagi Tahun 2021**



## Kursus *Champion on PLWS (CHOP)* Tahun 2021

Kursus CHOP Tahun 2021 telah diadakan pada 30 Mac – 2 April 2021 bertempat di Hotel Permai, Kuala Terengganu, Terengganu. Kursus ini merupakan program pembelajaran secara *hands on* dengan kerjasama pihak MPC. Ia merupakan program lanjutan daripada kursus *Master on PLWS* yang mana ia adalah program pembangunan kompetensi pegawai-pegawai perhubungan perusahaan khusus dalam perkara berkaitan upah dan produktiviti.

Kursus ini merupakan salah satu program yang dirancang di bawah Program Pelaksanaan PETIK di bawah RMK-12 yang juga merupakan komitmen Jabatan yang berterusan dalam usaha memperkasakan pengetahuan dan kemahiran para pegawai dalam memberi khidmat nasihat berkaitan upah dan produktiviti. Melalui kursus ini juga, ia dapat memberi keyakinan kepada para pegawai dalam memberi taklimat / ceramah berkaitan PLWS kepada kumpulan sasaran, seterusnya menggalakkan pihak majikan dan kesatuan sekerja pekerja menerima pakai dan melaksanakan PLWS dalam organisasi mereka.

Kursus ini melibatkan beberapa aktiviti utama antaranya sesi ceramah oleh Encik Mohd Khairil bin Anuar Amir Hamzah (MPC Wilayah Utara) berkaitan produktiviti, KPI PLWS dan kaedah untuk menghubungkan KPI dengan model-model PLWS yang bersesuaian berdasarkan kepada prestasi produktiviti syarikat. Para peserta juga diberikan tugas individu dan membuat pembentangan dapatan serta analisis bagi syarikat yang dipilih. Selain itu, bagi tujuan memahami dengan lebih mendalam mengenai pelaksanaan PLWS khususnya dalam perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan perusahaan yang sinonim dengan negeri Terengganu, para peserta telah dibawa mengikuti sesi Lawatan Industri ke syarikat Noor Arfa Batik bertempat di Noor Arfa Craft Complex atau turut dikenali sebagai Batik Pavilion. Sesi lawatan ini telah memberi pemahaman dan pengalaman kepada para peserta dalam memahami selok belok sistem upah di dalam IKS serta langkah-langkah yang diambil oleh syarikat untuk terus bertahan di dalam suasana pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia.

Para peserta kursus turut didedahkan dengan pengalaman-pengalaman majikan dalam mengadaptasi PLWS melalui *sharing session* oleh finalis Hari Anugerah PLWS 2019, Golden Pharos Sdn Bhd dan finalis Hari Anugerah PLWS 2018, Pertama Terengganu Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat ini juga tidak terkecuali dari menghadapi cabaran pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada kestabilan syarikat susulan dari arahan dan sekatan oleh Kerajaan dalam membendung penularan penyakit ini.

Kursus ini diakhiri dengan majlis penyampaian sijil kepada peserta serta penyampaian trofi peserta terbaik seperti Jadual 16.

**Jadual 16: Senarai Peserta Terbaik Kursus CHOP 2021**

Peserta Terbaik	Pembentang	Tempat Bertugas
Pertama	Encik Syed Bakar bin Syed Hussain	JPP Pulau Pinang
Kedua	Encik Aizul Azmi bin Azhar	JPP Selangor
Ketiga	Encik Mohd Nazran bin Yahya	JPP Ibu Pejabat
Keempat	Puan Siti Nur Alifah binti Hairudin	JPP Ibu Pejabat
Kelima	Puan Zurianie binti Mohd Sahak	JPP Pulau Pinang

Kursus yang berlangsung selama 4 hari 3 malam ini telah mendapat komitmen dan kerjasama daripada para peserta. Penganjuran kursus ini juga merupakan langkah proaktif Jabatan ke arah melahirkan lebih ramai *Subject Matter Expert (SME)* PLWS dalam kalangan Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan. Hal ini penting dalam memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan Jabatan.



# Kerjasama Jabatan Dan Malaysia Productivity Corporation (MPC) Berkaitan PLWS

## Semakan Semula Garis Panduan 'The Implementation of PLWS'

JPPM bersama pihak MPC telah mengambil inisiatif menyemak semula Garis Panduan *The Implementation of PLWS* agar selari dengan kehendak semasa pasaran ekonomi Malaysia. Sehubungan dengan ini, pihak MPC telah menganjurkan Bengkel Semakan Semula Garis Panduan *The Implementation of PLWS* di IOI Marriott Hotel, Putrajaya pada 12 April 2021. Bengkel ini dihadiri oleh Pengarah dan pegawai-pegawai Bahagian Keharmonian Perusahaan.









Sesi semakan semula garis panduan sedang berlangsung








## Promosi Jabatan Di Media Sosial

Promosi Jabatan termasuk PLWS melalui media sosial dilaksanakan oleh pejabat negeri dengan matlamat untuk menyebarkan maklumat mengenai fungsi dan peranan Jabatan secara meluas dan terus kepada orang awam agar mereka lebih peka kepada isu perburuhan semasa serta hak-hak mereka.

Dengan meningkatnya kefahaman berhubung isu perburuhan semasa ini, secara tidak langsung dapat mengurangkan pertikaian dalam hubungan antara majikan dan pekerja selain dapat meningkatkan lagi tahap keharmonian perusahaan di negara ini.

Sebanyak 39 promosi media telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 seperti berikut

Negeri	Tarikh Pelaksanaan Promosi	Medium Pelaksanaan
	31 Mac 2021 29 Ogos 2021 28 September 2021	Facebook JPP Johor
	6 April 2021 8 April 2021 11 April 2021	Facebook JPP Kedah / Perlis
	3 Ogos 2021 30 Ogos 2021 28 September 2021	Kelantan fm
	19 Mac 2021 21 April 2021 24 Mac 2021	Facebook JPP Melaka Melaka fm
	3 Februari 2021 6 Mei 2021 13 September 2021	Facebook JPP Negeri Sembilan Facebook dan Google Meet Google Meet
	20 Januari 2021 7 April 2021 1 Julai 2021	Radio Malaysia Pahang fm Facebook JPP Pahang

Negeri	Tarikh Pelaksanaan Promosi	Medium Pelaksanaan
	28 April 2021	Facebook JPP Pulau Pinang
	26 Julai 2021	
	28 Oktober 2021	Facebook UiTM Permatang Pauh
	1 Mei 2021	
	4 Mei 2021	Facebook JPP Perak
	11 Mei 2021	
	19 April 2021	
	23 September 2021	Ufm 93.6
	1 Oktober 2021	
	22 Februari 2021	Facebook, Instagram, Telegram
	28 Mac 2021	
	27 Mei 2021	Facebook JPP Terengganu
	29 Januari 2021	Facebook JPP Sabah
	26 Mac 2021	Sabah fm
	29 Julai 2021	Facebook Live JTK Keningau, Sabah
	27 Februari 2021	Red fm
	1 Mac 2021	Sarawak fm
	22 September 2021	Facebook JPPM



**Taklimat Perletakan Kuasa (Vesting of Power) Akta Standard Minimum Perumahan, Peningapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) Dan Ordinan Darurat Akta 446 yang dimuatnaik ke Facebook JPP Kedah / Perlis**



**Program Jelajah Prihatin 50 Tahun Perkeso Peringkat Negeri Kedah yang dimuatnaik ke Facebook JPP Kedah / Perlis**



**Wawancara Radio JPP Melaka bersama Melaka fm**

# **Pembangunan Modal Insan Dan Pengurusan Kewangan Yang Mapan**


Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan efisien bergantung kepada kompetensi, kemahiran dan profesionalisme tenaga kerja JPPM. Oleh itu, tenaga kerja perlu sentiasa dipertingkatkan kewibawaan dan rasa tanggungjawabnya daripada semua aspek agar dapat memartabatkan kedudukan pegawai di peringkat nasional dan antarabangsa. Warga kerja yang profesional, berwibawa serta mempunyai minda kelas pertama pasti akan dapat memperkasakan imej Jabatan.

Program-program yang dirancang bagi memperkasakan warga JPPM seperti Perhimpunan Bulanan, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan program-program lain telah diadakan mengikut garis panduan semasa berkaitan pandemik COVID-19. Semua aktiviti yang dinyatakan adalah menggunakan Belanjawan Mengurus dan Pembangunan.

# Belanjawan Mengurus JPPM


Sepanjang tahun 2021, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan sekatan kepada Jabatan sebanyak RM95,500.00 susulan pandemik COVID-19. Selain itu, Jabatan juga telah menerima tambahan peruntukan daripada pihak KSM. Ini menjadikan peruntukan mengurus Jabatan yang berakhir pada tahun 2021 adalah sebanyak RM16,932,100.00. Perbandingan peruntukan mengurus tahun 2020 dan 2021 (termasuk tambahan) adalah seperti di Rajah 9.

**Rajah 9: Perbezaan Peruntukan Mengurus Tahun 2020 dan 2021**




Pada tahun 2021, prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan adalah sebanyak RM16,460,544.02 atau 99.71% dengan berbaki sebanyak RM47,659.65 manakala pada tahun 2020, prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan adalah sebanyak RM16,523,326.00 atau 97.59% dengan berbaki sebanyak RM408,774.00. Perbandingan prestasi perbelanjaan tahun 2020 dan tahun 2021 adalah seperti di Rajah 10.

**Rajah 10: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020 dan Tahun 2021**



Agihan peruntukan mengurus bagi tahun 2021 di bawah dasar sedia ada, dasar baru, dasar *one-off* dan program khusus adalah seperti di Rajah 11.

**Rajah 11: Agihan Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2021 di bawah dasar sedia ada, dasar *one-off* dan program khusus**



## Belanjawan Pembangunan JPPM


Pada tahun 2021, peruntukan pembangunan JPPM telah diluluskan sebanyak RM3,000,000.00. Selain itu, JPPM telah diperuntukkan sebanyak RM1,000,000.00 di bawah program baharu iaitu Program Pelaksanaan PETIK. Perincian peruntukan tahun 2021 dengan perbandingan tahun 2020 adalah seperti di Jadual 18.

**Jadual 18: Perbandingan Peruntukan Pembangunan Tahun 2020 dengan Tahun 2021**

Objek Am	Peruntukan 2020 (RM)	Peruntukan 2021 (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
08000 Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan Merentasi Industri	300,000.00	0.00	-300,000.00	0.00
08000 Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang	3,000,000.00	2,000,000.00	-1,000,000.00	-33.33
08000 Program Pelaksanaan PETIK	0.00	1,000,000.00	1,000,000.00	0.00
08100 Sistem Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti	1,000,000.00	0.00	-1,000,000.00	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>4,300,000.00</b>	<b>3,000,000.00</b>	<b>-1,300,000.00</b>	<b>-30.23</b>


Pada tahun 2021, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan waran sekatan bagi peruntukan pembangunan kepada Jabatan sebanyak RM1,572,500.00. Peruntukan pembangunan JPPM juga telah dipindahkan kepada agensi di bawah KSM sebanyak RM1,087,060.00. Ini menjadikan peruntukan pembangunan terkini Jabatan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM340,440.00. Perbandingan peruntukan pembangunan tahun 2020 dan 2021 (termasuk sekatan) adalah sebagaimana Rajah 12.

**Rajah 12: Perbandingan Peruntukan Pembangunan Tahun 2020 dan 2021**



Pada tahun 2020, prestasi perbelanjaan pembangunan Jabatan adalah sebanyak RM133,053.50 atau 72.31 peratus dengan berbaki sebanyak RM50,946.50 manakala pada tahun 2021, prestasi perbelanjaan pembangunan Jabatan adalah sebanyak RM251,546.28 atau 73.89 peratus dengan berbaki sebanyak RM88,893.72. Perbandingan prestasi perbelanjaan tahun 2020 dan tahun 2021 dapat ditunjukkan seperti di Rajah 13.

**Rajah 13: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020 dan Tahun 2021**



# Perjawatan JPPM Tahun 2021

## Jawatan Yang Diisi

Jadual 19: Statistik Perjawatan JPPM bagi tahun 2021

JAWATAN	GRED	TAHUN 2021		
		JAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pegawai Perhubungan Perusahaan Utama C	VU7	1	1	0
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S54	1	1	0
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S52	8	7	1
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S48	10	9	1
Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48	1	1	0
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	26	26	0
Pegawai Undang-Undang	L44 / L41	1	1	0
Pegawai Tadbir & Diplomatik	M44	1	1	0
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41 / 44	76	75	1
Pegawai Tadbir & Diplomatik	M44 / M41	2	1	1
Penolong Pegawai Tadbir	N32/N36	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir	N29 / N32	2	2	0
Penolong Akauntan – Hakiki W19	W29 (KUP)	4	4	0
Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19 / N22 / N29 / N30 / N32	1	1	0
Pembantu Tadbir (P/O)	N22 / N26	2	2	0
Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19 / N22 / N29 / N30	3	3	0
Pembantu Tadbir (Kew)	W19 / W22 / W26	11	11	0
Pembantu Tadbir (P/O)	N19 / N22 / N26	53	48	5
Penghantar Notis	N11 / N14 / N16	1	1	0
Pemandu Kenderaan	H11 / H14 / H16	14	13	1
Pembantu Operasi	N14 / N16	1	0	1
Pembantu Operasi	N11 / N14 / N16	16	16	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>236</b>	<b>225</b>	<b>11</b>

Maklumat Perjawatan adalah sehingga 31 Disember 2021

## Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2021, seramai 24 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Professional serta Kumpulan Pelaksana telah mendapat pemangkuan atau kenaikan pangkat dari pelbagai gred seperti pecahan berikut;

01	Pemangkuan bagi PPP Gred S54 ke PPP Gred Utama C (M) seramai satu (1) orang pegawai
02	Pemangkuan bagi PPP Gred S52 ke PPP Gred S54 (M) seramai satu (1) orang pegawai
03	Pemangkuan bagi PPP Gred S48 ke PPP Gred S52 (M) seramai dua (2) orang pegawai
04	Pemangkuan bagi PUU Gred L44 ke PUU Gred L48 (M) seramai satu (1) orang pegawai
05	Pemangkuan bagi PPP Gred S41 ke PPP Gred S41 / S44 Fleksi (M) seramai 13 orang pegawai
06	Kenaikan Pangkat bagi PTD Gred M44 (M) ke PTD Gred M44 seramai satu (1) orang
07	Kenaikan Pangkat bagi PT (P/O) Gred N19 ke PT (P/O) Gred N22 (TBK1) seramai lima (5) orang.

Nota:

PPP : Pegawai Perhubungan Perusahaan  
PUU : Pegawai Undang-undang  
PTD : Pegawai Tadbir Diplomatik  
PT (P/O) : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

## Persaraan

Seramai empat (4) orang pegawai yang telah bersara wajib dan satu (1) orang pegawai yang telah bersara pilihan di Jabatan ini pada tahun 2021. Pegawai ini terdiri daripada satu (1) orang daripada kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan empat (4) orang daripada kumpulan Pelaksana. Senarai pegawai yang bersara wajib dan pilihan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

**Jadual 20: Senarai Pesara Jabatan Tahun 2021**

Bil.	Nama Pegawai/ Kakitangan	Jawatan	Tarikh Bersara	Catatan
1.	Puan Nor Asikin binti Zakaria	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (KUP) JPP Pulau Pinang	14 Jun 2021	Bersara Wajib
2.	Encik Mohd Latif bin Hassan	Pembantu Operasi Gred N14 JPP Johor	13 Julai 2021	Bersara Wajib
3.	Puan Rohanim binti Abdul Rashid	PPP Gred S41 / S44 (Fleksi) JPP Perak	05 September 2021	Bersara Wajib
4.	Azian binti Abd Rahman	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19 Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar, Ibu Pejabat	29 Oktober 2021	Bersara Pilihan
5.	Puan Nor Azian binti Mohammad	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N22 (KUP) JPP Perak	27 November 2021	Bersara Wajib

# Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JPPM

Pada tahun 2021 mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali. Ianya selaras dengan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) berkaitan pelaksanaan mesyuarat MBJ dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan wabak COVID-19. Di dalam keadaan PKP yang tidak menentu, aspek kebolehlaksanaan mesyuarat perlu diberi keutamaan mengatasi aspek pematuhan sasaran.

MBJ JPPM telah dilaksanakan sepertimana berikut:

MESYUARAT	TARIKH	KAEDAH PELAKSANAAN
Mesyuarat MBJ, JPPM Bil.1 / 2021	27 April 2021	Secara Atas Talian
Mesyuarat MBJ JPPM Bil.2 / 2021	19 Ogos 2021	Secara Atas Talian
Mesyuarat MBJ JPPM Bil.3 / 2021	24 November 2021	Hybrid (bersemuka di Bilik Mesyuarat Utama JPPM dan secara atas talian)

# Program Dan Aktiviti Tahun 2021

## MAJLIS PERHIMPUNAN JPPM

Disebabkan wabak COVID-19 masih aktif pada tahun 2021, Majlis Perhimpunan JPPM telah diadakan sebanyak tiga (3) kali sahaja iaitu pada bulan April, Oktober dan Disember. Majlis ini diadakan bertujuan untuk berkongsi aktiviti / program yang telah dilaksanakan oleh setiap Bahagian, perkembangan terkini Jabatan serta berita mengenai pertukaran pegawai dan kakitangan. Seperti kebiasaannya, Ketua Pengarah menyampaikan amanat dan perkembangan semasa Kementerian dan Jabatan serta harapan beliau terhadap Jabatan dan warga kerja JPPM. Selain itu, Majlis Perhimpunan ini juga turut meraikan sambutan hari lahir warga kerja Jabatan.



**Ketua Pengarah sedang menyampaikan amanat**



**Penyerahan sumbangan kepada pegawai**

## HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT JPPM

Selaras dengan Hari Sukan Negara (HSN) yang disambut di seluruh negara, Jabatan juga tidak ketinggalan di dalam meraikannya dengan menganjurkan program Hari Sukan Negara Peringkat JPPM pada 4 hingga 8 Oktober 2021. Program yang diuruskan oleh Kelab Harmoni JPPM itu melibatkan beberapa permainan iaitu badminton, bola tampar, karom, ping pong dan 2 kilometer *brisk walk*. Semua warga kerja JPPM telah mengambil bahagian di dalam program ini.



*Are you ready?*

**LET'S CHEER!**

Daftar sekarang  
Meriahkan Hari Sukan Negara !

Tarikh Tutup Penyertaan: 1 Oktober 2021

4 OKTOBER HINGGA 8 OKTOBER 2021  
ANJURAN:  
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN  
MALAYSIA (JPPM)  
Dengan Kerjasama Kelab Harmoni JPPM

### Poster promosi Hari Sukan Negara 2021 peringkat JPPM



Pengurusan Tertinggi Jabatan bergambar kenangan semasa aktiviti 2 kilometer *brisk walk*



Para peserta bersedia untuk memulakan aktiviti *brisk walk*

# Kursus Pengukuhan Kompetensi Pengarah-pengarah JPPM Tahun 2021

Jabatan telah mengadakan Kursus Pengukuhan Kompetensi Pengarah-Pengarah JPPM Tahun 2021 pada 18 hingga 20 November 2021 di Hotel Eastin, Pulau Pinang. Kursus ini dihadiri oleh semua Pengarah Bahagian, Penasihat Undang-undang Jabatan, Pengarah-pengarah JPP negeri dan urus setia kursus.

Kursus ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah disebabkan Ketua Pengarah perlu menghadiri program anjuran KSM pada waktu yang sama. Walau bagaimanapun Ketua Pengarah telah menyertai program secara dalam talian pada hari terakhir kursus.

Antara isu utama yang dibincangkan adalah strategi untuk meningkatkan penyelesaian secara rundingan damai dan sebaliknya mengurangkan bilangan kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Jabatan harus mengekalkan fungsi sebagai satu-satunya jabatan yang menyelesaikan kes-kes pemberhentian kerja secara rundingan damai tanpa melibatkan kos sekaligus menjadikan kewujudan Jabatan adalah relevan. Ianya selaras dengan pindaan Akta 177 yang mana kesemua kes yang tidak selesai di peringkat Jabatan akan dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Isu lain yang dibincangkan adalah pengendalian rundingan damai secara dalam talian yang melibatkan majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja. Cabaran yang dihadapi oleh Jabatan adalah apabila infrastruktur ini tidak tersedia di pihak pekerja atau kelemahan daripada capaian internet. Rundingan damai secara atas talian juga sukar mencapai penyelesaian berbanding perjumpaan secara bersemuka.

Pengarah-pengarah Negeri telah berkongsi pandangan dan idea bagi meningkatkan pencapaian Jabatan kepada yang lebih baik. Ketua Pengarah memaklumkan bahawa maklumbalas yang diberikan akan dijadikan kriteria untuk menambah baik proses dan prosedur kerja khususnya melibatkan operasi Jabatan. Pada masa yang sama SOP dan Pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa akan terus digunakan dan akan disesuaikan mengikut keadaan.



Poster Kursus



Tuan TKP bersedia bagi ucapan pembukaan kursus



Tuan TKP sedang berucap pada sesi pembukaan kursus



**Barisan Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-pengarah Negeri yang hadir**



**Sesi pembentangan pencapaian Jabatan**

# Kursus Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure / SOP) Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja di Bawah Seksyen 20 Akta 177


Bahagian Pemulihan Kerja dan Pengurusan Rundingan Damai (BPK&PRD) telah mengadakan kursus Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure / SOP*) Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja di Bawah Seksyen 20, Akta 177. Kursus tersebut telah diadakan pada 20 September 2021 bertempat di Ibu Pejabat JPPM, yang dilaksanakan secara *hybrid* iaitu kehadiran secara fizikal ke Jabatan dan secara dalam talian melalui *platform Google Meet*.

Kursus ini diadakan bagi memastikan pengurusan kes representasi pemulihan kerja dapat dilaksanakan dengan lancar dan seragam selaras dengan pindaan terkini Akta 177 dan Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009.

Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan lebih mendalam kepada pegawai mengenai SOP dalam pengendalian kes representasi pemulihan kerja di peringkat Ibu Pejabat agar wujud keseragaman di dalam proses kerja.

Dengan adanya kursus ini, ia diharapkan dapat meningkatkan penyelesaian kes secara rundingan damai di peringkat Ibu Pejabat selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan.





# Pengukuhan Penyampaian Perkhidmatan

Wabak COVID-19 yang telah melanda dunia sejak tahun 2019 masih berlanjutan sehingga tahun 2021. Penyampaian perkhidmatan Jabatan lebih mencabar rentetan dari kes COVID-19 yang masih wujud. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien berasaskan kepada tiga (3) objektif:




Selaras dengan PS-JPPM 2021-2025, beberapa projek telah dirancang dan dilaksanakan antaranya penerbitan aktiviti-aktiviti berkaitan operasi Jabatan dan penambahbaikan operasi Jabatan melalui Enforcement Management System Module C (EMSC).

## Penerbitan Berkaitan Operasi Jabatan

Operasi Jabatan melibatkan kuasa di bawah Akta 177. Justeru, keperluan kepada bahan-bahan penerbitan dapat membantu Jabatan dalam menyampaikan maklumat berkaitan kuasa Jabatan di bawah Akta 177. Ianya juga dapat membantu untuk mempromosikan Jabatan di samping menyampaikan maklumat yang berkaitan kepada kakitangan dan orang-orang yang berkepentingan. Sebagai tambahan, penerbitan Jabatan turut dapat digunakan sebagai penanda aras bagi melaksanakan pencapaian terbaik pada masa akan datang.

Pada tahun 2021, Jabatan telah menerbitkan artikel berbentuk ilmiah sebagai salah satu kaedah penyampaian maklumat berkaitan aktiviti Jabatan kepada orang awam dan mereka yang berkepentingan. Artikel ilmiah adalah hasil sumbangan daripada pegawai di pejabat negeri dan telah dimuatnaik ke laman portal Jabatan. Paparan kepada penerbitan artikel ilmiah boleh diakses melalui menu Sumber di bawah sub-menu Nota seperti yang ditunjukkan pada gambar paparan artikel ilmiah yang berkenaan. Jadual 21 merujuk kepada senarai Artikel Ilmiah yang telah di muatnaik ke dalam laman portal Jabatan.



**Paparan Artikel Ilmiah di laman Web Jabatan yang boleh diakses melalui menu Sumber (sub-menu Nota)**

**Jadual 21: Senarai Artikel Ilmiah di Laman Web JPPM bagi tahun 2021**

Salahlaku Di Tempat Kerja oleh JPP Johor	Peranan Kesatuan Sekerja Dalam Mewujudkan Keharmonian Perhubungan Perusahaan Antara Majikan Dan Pekerja-Pekerja Di Malaysia oleh JPP Sabah	Peranan JPP Sabah Dalam Menangani Kes Pembuangan Kerja Yang Tidak Mengikut Prosedur Di Bawah Undang-Undang Buruh Dalam Negeri Sabah Semasa Wabak COVID-19 Pada Tahun 2020 oleh JPP Sabah
<i>Decent Workplace</i> oleh JPP Melaka	Isu Disiplin Di Tempat Kerja oleh JPP Terengganu	<i>Trade Union and Globalisation</i> oleh JPP Negeri Sembilan
Perkhidmatan Gig Ekonomi Dan Perlindungan Undang-Undang Perburuhan oleh JPP Kelantan	Pemberhentian Kerja Di Belanda oleh JPP Pulau Pinang	Award Mahkamah Perusahaan 1988 Tahun 2018 (Azlinda binti Adeli Vs Barkath Stores / Barkath Management Services) oleh JPP Sarawak
<i>Challenges of Working During the Pandemic</i> oleh JPP WPKL	Adakah Mahkamah Perusahaan Merupakan Mahkamah Atau Tribunal oleh JPP Sarawak	<i>Skills For Conciliator</i> oleh JPP Kedah/Perlis
Cabaran Norma Baharu Bagi Majikan Dan Pekerja oleh JPP Selangor	Pengangguran Di Malaysia: Kesan COVID 19 oleh JPP Pulau Pinang	<i>Giving Notice of Termination and Without Assigning Reasons</i> oleh JPP Kelantan

Jabatan turut menerbitkan pelbagai maklumat berkaitan pencapaian Jabatan secara berkala dalam bentuk Laporan Tahunan, Statistik & Petunjuk-petunjuk Utama Jabatan serta Buletin INFO JPPM. Penerbitan-penerbitan ini memberi kesan positif kepada imej Jabatan seperti berikut:

- Menjulung nama JPPM dengan pelaporan pencapaian Jabatan
- Menghebahkan kejayaan yang dicapai oleh JPPM dalam mengendalikan program-program Jabatan
- Menyalurkan maklumat dan teknik-teknik kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes berkaitan operasi utama Jabatan
- Panduan kepada orang ramai dan pegawai Jabatan mengenai prosedur dan proses pengendalian aktiviti-aktiviti utama jabatan.



Penerbitan Jabatan bagi Tahun 2021

# Sistem Dan Perisian Jabatan

Sepanjang 2021, negara masih lagi dilanda pandemik COVID-19 di mana ia telah menjadi satu cabaran besar buat Jabatan. Ditambah dengan pindaan Akta 177 yang telah berkuatkuasa pada tahun 2021, ianya secara tidak langsung memberi kesan kepada pelaksanaan tugas operasi Jabatan berikutan beberapa pertambahan tugas baharu dan fokus utama Jabatan untuk memperkasakan penyelesaian kes-kes operasi Jabatan melalui rundingan damai (*conciliation*). Oleh itu sistem penyampaian yang efisien dan efektif perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan, mewujudkan keseragaman dan profesionalisme, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan memantapkan serta meluaskan sistem pengurusan kes atas talian mengikut perubahan teknologi maklumat dari semasa ke semasa. Bagi tujuan ini, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KSM telahpun menambahbaik beberapa fungsi baharu di dalam *Enforcement Management System Module C* (EMSC) disamping penjaanaan statistik Jabatan yang lebih mudah dan cepat melalui perisian Webfocus di dalam EMSC.

Sistem EMSC  
Kementerian Sumber Manusia

Pengurusan Pengguna Pengguna Modul Manual Pengguna > Log Keluar

Sistem-sistem EMSC

AMIRA SYABANA BINTI ROSLI  
IBU PEJABAT JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

ISU KAPASITI  
SECTION 9(1A)

TINDAKAN PERUSAHAAN  
INDUSTRIAL ACTION

REPRESENTASI PEMULIHAN KERJA  
REINSTATEMENT

PERTIKAIAN PERUSAHAAN  
TRADE DISPUTE

PENGUMUMAN

Modul representasi pemulihan kerja (seksyen 20) ~ 15-03-2022

Untuk makluman, modul ini sedang ditambahbaik bagi penyelarasan kepada pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2021.

Modul seksyen 9(1A) - pilot testing & Migrasi ~ 15-03-2022

Untuk makluman, modul Seksyen 9 (1A) kini telah selesai dibangunkan dan sedang di dalam fasa pilot testing dan juga migrasi server dan database. Modul Seksyen 9(1A) dijangka akan *Go Live* pada Mac 2022.

EMSC Modul Pemecatan  
Kementerian Sumber Manusia

Carian > Laporan > Admin >  
Webfocus

Daftar Draft Outbox Log Keluar

Peti Masuk

IBU PEJABAT JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

SENARAI TUGASAN

CARIAN :

#	NO. KES	STATUS	SEKSYEN	DARIPADA	TARIKH KEMASKINI
Jumlah Kes : 0					

Hak cipta © 2014, Kementerian Sumber Manusia. Hak milik terpelihara.

## Enforcement Management System Modul-C (EMSC)

Enforcement Management System Module C (EMSC) merupakan sistem utama yang digunakan oleh Jabatan dalam menjalankan operasi dan memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada orang awam. Sistem yang digunakan di peringkat Ibu Pejabat dan pejabat Negeri ini bertujuan untuk memberikan pengurusan kerja yang lebih cekap dan cepat di kalangan pegawai dan kakitangan jabatan.

EMSC sebelum ini merangkumi tiga (3) modul iaitu Modul Representasi Pemulihan Kerja, Modul Pertikaian Perusahaan dan Modul Tindakan Perusahaan. Sejak tahun 2020 sehingga 2021, pihak Jabatan telah menambah baik sistem ini dengan menambah beberapa modul baharu bagi meningkatkan lagi sistem pengurusan dan penyimpanan data jabatan. Dua (2) modul baru telah diperkenalkan iaitu Modul Seksyen 9 (Tuntutan Pengiktirafan) dan Modul Seksyen 9(1A) (Kompetensi / Skop).

Modul Seksyen 9(1A) telah selesai dibangunkan dan telah melalui proses *Pilot Testing* pada penghujung tahun 2021. Modul ini dijangka akan *go live* pada bulan Mac 2022 selepas beberapa proses seperti migrasi *server* dan *database* dilakukan. Modul ini merangkumi proses kerja bermula dari pendaftaran kes yang melibatkan isu-isu kapasiti di bawah Seksyen 9(1A) direkodkan sehingga keputusan kes dimaklumkan kepada pihak pengadu dan diadu. Semua aliran kerja yang terlibat adalah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) meliputi pencarian daftar majikan dan kesatuan, pendaftaran kes, pengagihan tugas, penyediaan surat panggilan mesyuarat, penyediaan Memorandum Persetujuan, penyediaan laporan, penyediaan dokumen keputusan Ketua Pengarah dan seterusnya penyediaan surat makluman kepada pihak terlibat. Malah, proses siasatan turut dijalankan secara dalam talian.

Justeru, Jabatan amat berkeyakinan bahawa pembangunan modul ini dapat memberi manfaat kepada semua peringkat pengurusan bagi pengendalian kes isu-isu kapasiti di bawah Seksyen 9(1A), Akta 177 terutama ketika negara masih di dalam fasa pandemik yang mana perjumpaan bersemuka adalah tidak digalakkan.

Modul Seksyen 9 pula masih di awal proses pembangunan. Modul ini dijangka akan menjalani proses pembangunan sekurang-kurangnya 24 bulan iaitu dijangkakan siap sepenuhnya pada tahun 2023 merangkumi perkara-perkara seperti perubahan kepada *User Requirement* berikutan pindaan Akta 177, proses *coding*, pengujian, migrasi dan seterusnya latihan kepada pengguna.



Paparan utama ke Modul Isu Kapasiti Seksyen 9(1A)

Admin > Laporan >

EMSC Kapasiti Seksyen 9(1A)  
Kementerian Sumber Manusia

Laman Utama | Inbox | Daftar | Siasatan | Carian | Log Keluar

**Butiran Siasatan**  
(Peringkat Ibu Pejabat)

: IBU PEJABAT JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

TEMUDUGA SIASATAN

Bahagian A | Bahagian B | Bahagian C | Bahagian D | Bahagian E | Bahagian F | Bahagian G | Bahagian H | Bahagian I

**MAKLUMAT RESPONDEN**

[01] Nama Pekerja : \*

[02] No. Kad Pengenalan / No. Passport / No.ID : \*      [03] Tarikh Mula Bekerja : \*  
DD/MM/YYYY

**MAKLUMAT JAWATAN YANG DIPERTIKAIKAN**

[04] Gred Jawatan :      [05] Nama Jawatan :  
G.SIASATAN      SIASATAN 1

[06] Bahagian :      [07] Unit/ Seksyen :  
B.SIASATAN      S.SIASATAN

[08] Gaji Pokok : \*      [09] Jumlah Elaun : \*  
RM 0.00      RM 0.00

[10] Kelulusan Akademik Tertinggi : \*  
SILA PILIH AKADEMIK

[11] Ahli Kesatuan : \*    Ya  Tidak

**MAKLUMAT JAWATAN TERDAHULU (SEKIRANYA ADA)**

[13] Jawatan Terdahulu (Jika Ada) :      [14] Gred Jawatan Terdahulu (Jika Ada) :

SIMPAN    HANTAR    SETERUSNYA

**Paparan siasatan secara dalam talian Modul Isu Kapasiti Seksyen 9(1A)**

Admin > Laporan >

EMSC Kapasiti Seksyen 9(1A)  
Kementerian Sumber Manusia

Laman Utama | Inbox | Daftar | Siasatan | Carian | Log Keluar

**Butiran Siasatan**  
(Peringkat Ibu Pejabat)

: IBU PEJABAT JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

TEMUDUGA SIASATAN

Bahagian A | Bahagian B | Bahagian C | Bahagian D | Bahagian E | Bahagian F | Bahagian G | Bahagian H | Bahagian I

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN YANG DIPERTIKAIKAN**

[24] Adakah Tugas-Tugas Anda Melibatkan Perkara-Perkara Berikut :

	Ya	Tidak	Catatan
• Adakah anda terlibat dalam membuat sesuatu keputusan atau mengambil sesuatu tindakan berhubung sesuatu isu penting *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
• Adakah anda terlibat dalam membuat sesuatu keputusan atau mengambil sesuatu tindakan berhubung cadangan yang dikemukakan oleh pihak eksekutif *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
• Adakah anda bertanggungjawab atau mempunyai kuasa untuk merancang, mengeluarkan/mengurus, mengarah dan mengagih tugas serta tanggungjawab kepada pekerja bawahan anda. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	
• Adakah tugas anda meliputi tugas-tugas menyelaras atau mengawal kerja di peringkat bahagian atau unit. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	

Adakah anda bertanggungjawab atau terlibat dengan perkara-perkara berikut:-

	Ya	Tidak	Had Kuasa					Catatan
• Rancangan jangka panjang organisasi. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
• Sumber modal. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
• Belanjaan. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
• Kos Operasi. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
• Perolehan. *	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

**Paparan kepada soalan-soalan temuduga Isu Kapasiti secara dalam talian**


## Perisian WEBFOCUS

Selain dari penambahan modul di dalam EMSC, Jabatan juga telah menambahbaik kualiti janaan laporan dan statistik melalui penggunaan perisian *Webfocus*. Perisian ini berupaya menjana laporan-laporan statistik dan paparan grafik menggunakan *live data* secara *dashboarding*. Penggunaan *Webfocus* di peringkat akses ibu pejabat dan pejabat-pejabat negeri telah mula digunakan sejak tahun 2021.

Penambahbaikan terhadap *Webfocus* akan terus dilakukan dari semasa ke semasa agar sentiasa dapat mengumpul maklumat berkaitan kes yang dikendalikan di seluruh Malaysia bagi memastikan laporan statistik dapat dijana dengan tepat. Laporan statistik adalah penting bagi mengukur prestasi Jabatan serta pegawai dan permohonan laporan statistik oleh agensi / jabatan lain.

The image displays two screenshots of the WEBFOCUS 'Pencapaian Pegawai' dashboard. Both screenshots show a navigation menu on the left with 'Statistik Ibu Pejabat' highlighted. The top screenshot shows the 'NEGERI' dropdown menu open, listing Malaysian states: JOHOR, KEDAH / PERLIS, KELANTAN, KUALA LUMPUR, MELAKA, NEGERI SEMBILAN, PAHANG, PERAK, PULAU PINANG, SABAH, SARAWAK, SELANGOR, and TERENGGANU. The bottom screenshot shows the main form with fields for 'NAMA PEGAWAI', 'TARIKH MULA', and 'TARIKH TAMAT', along with 'Submit' and 'Reset' buttons.


## Paparan WEBFOCUS



**BAHAGIAN**

**4**


**Galeri JPPM 2021**
















**2021** | LAPORAN  
TAHUNAN  
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia





**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

Aras 9, Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya

 03 8886 5460

 03 8889 2355

 [jppm@mohr.gov.my](mailto:jppm@mohr.gov.my)

 <https://jpp.mohr.gov.my/>

